

**KEPENTINGAN PEMULIHARAAN KOLEKSI DI MUZIUM SULTAN ABU  
BAKAR DALAM KALANGAN GENERASI MUDA**

**NOR FAIZAH BINTI AHMED FADZAIR**

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN**

**DENGAN KEPUJIAN**

**MALAYSIA**  
**2022**

**KELANTAN**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**KEPENTINGAN PEMULIHARAAN KOLEKSI DI MUZIUM SULTAN ABU  
BAKAR DALAM KALANGAN GENERASI MUDA**

**Oleh**

**NOR FAIZAH BINTI AHMED FADZAIR**

**Laporan ini dihantar bagi memenuhi kehendak Ijazah Sarjana Muda**

**Pengajian Warisan dengan Kepujian**

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2022**

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

**TERBUKA**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

**SULIT**

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Disahkan oleh

*Lawl*

(Tanda tangan pelajar)

(Tanda tangan penyelia)

Tarikh : 18/2/2022

Nama :

Tarikh:

Nota\* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Illahi kerana di atas limpah kurnia-Nya saya dapat menyiapkan tesis ini walaupun terdapat beberapa halangan yang perlu ditempuhi. Ribuan terima kasih diucapkan kepada penyelia saya Puan Nur Athmar binti Hashim diatas segala sokongan, nasihat dan tunjuk ajar yang telah dicurahkan yang amat membantu dalam menyelesaikan tesis ini. Terima kasih juga disertakan kepada Encik Baihaqi bin Pauzi, Pembantu Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang, Encik Jalal bin Kamaruddin dan Cik Amy Marina binti Akim diatas segala maklumat dan tunjuk ajar yang telah diberikan yang amat membantu dalam proses penghasilan tesis ini dilakukan.

Seterusnya, penghargaan kepada pihak institusi kajian ini iaitu pihak Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), Universiti Malaysia Kelantan kerana memberi peluang kepada saya untuk menjalankan kajian ini serta menyediakan prosedur yang memudahkan tesis ini dilaksanakan. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada ahli keluarga saya yang telah memberikan sokongan dari segi kewangan, masa dan tenaga bagi memastikan saya berjaya menyiapkan tesis ini.

Tidak lupa juga kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memberikan idea dan pertolongan dalam mendapatkan maklumat yang mana amat membantu dalam menghasilkan tesis ini. Semoga kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu dalam menjadi panduan kepada para pembaca.

Sekian sahaja daripada saya, terima kasih.


Nor Faizah binti Ahmed Fadzair

C18A0219


Universiti Malaysia Kelantan



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

# ISI KANDUNGAN

## MUKA SURAT

<b>PERAKUAN TESIS.....</b>	<b>i-ii</b>
<b>PENGHARGAAN.....</b>	<b>iii</b>
<b>ISI KANDUNGAN.....</b>	<b>iv-vi</b>
<b>ABSTRAK.....</b>	<b>vii</b>
<b>ABSTRACT.....</b>	<b>vii-viii</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN.....</b>	<b>1-17</b>
1.1 Pengenalan.....	1
1.1.1 Pengenalan kajian.....	2-4
1.2 Kajian terdahulu.....	4-7
1.3 Latar belakang kajian.....	7-8
1.4 Objektif kajian.....	8
1.5 Persoalan kajian.....	9
1.6 Permasalahan kajian.....	9-10
1.6.1 Kurangnya pendedahan mengenai muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang.....	9
1.6.2 Kurang pengetahuan mengenai pengurusan koleksi.....	10
1.6.3 Pengabaian kepentingan koleksi dan artifak lama.....	10
1.7 Lokasi kajian.....	10-13
1.8 Kepentingan kajian.....	13-14
1.9 Skop kajian.....	14-15

1.10	Struktur tesis.....	15-16
1.11	Rumusan bab.....	17
<b>BAB 2 PROSEDUR PENJAGAAN KOLEKSI DI MUZIUM</b>		
<b>DAN PENGLIBATAN GENERASI MUDA.....</b>		<b>18-30</b>
2.1	Pengenalan.....	18
2.2	Prosedur penjagaan koleksi di muzium dan penglibatan generasi muda.....	18-19
2.2.1	Sejarah dan perkembangan muzium Sultan Abu Bakar, Pahang.....	19-20
2.2.2	Generasi muda.....	21
2.2.3	Pengurusan koleksi dalam pemuziuman.....	21-24
2.2.4	Konsep pemeliharaan.....	25-26
2.2.5	Aktiviti konservasi.....	26-27
2.2.6	Kaedah konservasi.....	27-28
2.3	Kerangka teori .....	28-30
2.3.1	Teori konservasi.....	28-30
2.4	Rumusan bab.....	30
<b>BAB 3 METODOLOGI.....</b>		<b>31-39</b>
3.1	Pengenalan.....	31



3.2 Metodologi kajian.....	31-33
3.3 Teknik pengumpulan data.....	33-39
3.3.1 Data primer.....	33
3.3.1.1 Pemerhatian.....	33-34
3.3.1.2 Temu bual.....	34-35
3.3.1.3 Soal selidik.....	36-38
3.3.2 Data sekunder.....	38
3.3.2.1 Rujukan perpustakaan.....	38-39
3.4 Rumusan bab.....	39
<b>BAB 4 ANALISIS KAJIAN.....</b>	<b>40-66</b>
4.1 Pengenalan.....	40
4.2 Langkah-langkah pengurusan koleksi di muzium Sultan Abu Bakar Pekan, Pahang.....	41
4.2.1 Cara perolehan dan pendaftaran koleksi.....	42-43
4.2.2 Langkah konservasi koleksi.....	43
4.2.3 Langkah penstoran dan penyimpanan.....	44-45
4.3 Kaedah-kaedah yang digunakan dalam memulihara koleksi di Muzium Sultan Abu Bakar.....	45-46
4.3.1 Peralatan dan bahan.....	46-50

4.3.2 Kaedah pemuliharaan koleksi (tepak sirih) .....	51-57
4.4 Menganalisis sejauh mana tahap pengetahuan generasi muda berkaitan dengan pemuliharaan koleksi.....	58
4.4.1 Analisis tahap pengetahuan generasi muda berkaitan dengan pemuliharaan koleksi.....	58-65
4.4.1.1 Demografi responden.....	58-60
4.4.1.2 Pengetahuan mengenai muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang.....	60-62
4.4.1.3 Pandangan mengenai pemuliharaan koleksi di muzium.....	62-65
4.4 Rumusan bab.....	66
<b>BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN.....</b>	<b>67-74</b>
5.1 Pengenalan.....	67
5.2 Rumusan kajian.....	67-70
5.3 Cadangan kajian.....	70
5.3.1 Mendedahkan mengenai pemuliharaan koleksi warisan kepada masyarakat terutamanya generasi muda.....	70-71
5.3.2 Memperluaskan pengetahuan mengenai bidang warisan kepada generasi muda.....	71-72

5.4 Penutup.....	72
<b>RUJUKAN.....</b>	<b>72-74</b>

## SENARAI RAJAH


### MUKA SURAT

Rajah 1.1	Peta Semenanjung Malaysia.....	11
Rajah 1.2	Peta Daerah Pekan.....	12
Rajah 1.3	Peta muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang.....	13
Rajah 1.4	Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang.....	14
Rajah 3.1	Carta alir metodologi kajian.....	31
Rajah 3.2	Tangkapan skrin perbualan bersama pihak muzium.....	35
Rajah 3.3	Borang soal selidik.....	37-38
Rajah 4.1	Koleksi alatan sukan diraja.....	42
Rajah 4.2	Koleksi barang peribadi diraja.....	42
Rajah 4.3	Artifak batu nisan Pahang.....	43
Rajah 4.4	Contoh penstoran terbuka.....	44
Rajah 4.5	Contoh penggantungan di dinding.....	44
Rajah 4.6	Contoh simpanan boleh lihat.....	45
Rajah 4.7	Contoh simpanan bertingkat.....	45

Rajah 4.8 Sarung tangan.....	46
Rajah 4.9 Topeng muka.....	46
Rajah 4.10 Apron.....	47
Rajah 4.11 Berus pembersih.....	47
Rajah 4.12 Berus besar.....	47
Rajah 4.13 Berus kecil.....	48
Rajah 4.14 Pita pengukur.....	48
Rajah 4.15 Bekas besar.....	48
Rajah 4.16 Kain.....	48
Rajah 4.17 Soda bikarbonat.....	49
Rajah 4.18 Cuka.....	49
Rajah 4.19 Asam jawa.....	50
Rajah 4.20 Sabun serbuk.....	50
Rajah 4.21 Autosol.....	50
Rajah 4.22 Pengukuran tepak sirih.....	51
Rajah 4.23 Pengukuran mengikut skala nisbah (1:2) .....	51
Rajah 4.24 Keseluruhan tepak sirih kelihatan kotor dan berubah warna.....	52
Rajah 4.25 Plak hitam (sulfida tembaga dan oksida serta kotoran pada bahagian dalam tepak.....	52

Rajah 4.26 Plak hitam pada bahagian bawah.....	52
Rajah 4.27 Pengaratan di bahagian dalam bekas meletakkan bahan sirih.....	53
Rajah 4.28 Pembersihan kotoran dan kesan kapur pada tepak sirih.....	53
Rajah 4.29 Memberus kesan karat pada tepak sirih.....	54
Rajah 4.30 Membersihkan kotoran plak hitam dan kotoran.....	54
Rajah 4.31 Asam jawa yang dicampur di dalam air rendaman.....	55
Rajah 4.32 Koleksi dicampurkan ke dalam campuran asam jawa...	55
Rajah 4.33 Pembersihan menggunakan air sabun.....	56
Rajah 4.34 Pembersihan menggunakan air bersih.....	56
Rajah 4.35 Koleksi tepak sirih disapu dengan autosol.....	57
Rajah 4.36 Keadaan akhir koleksi tepak sirih.....	57
Rajah 4.37 Jantina.....	58
Rajah 4.38 Umur.....	59
Rajah 4.39 Bangsa.....	60
Rajah 4.40 Lawatan ke muzium.....	60
Rajah 4.41 Pengetahuan mengenai koleksi yang dipamerkan.....	61
Rajah 4.42 Pengetahuan mengenai proses pemuliharaan koleksi..	62
Rajah 4.43 Kepentingan kaedah pemuliharaan.....	62

Rajah 4.44 Pendedahan muzium mengenai pemuliharaan secara umum.....	63
Rajah 4.45 Pandangan mengenai peranan menjaga muzium.....	64
Rajah 4.46 Kesedaran kepentingan pemuliharaan koleksi kepada masyarakat.....	65



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

# **KEPENTINGAN PEMULIHARAAN KOLEKSI DI MUZIUM SULTAN ABU BAKAR DALAM KALANGAN GENERASI MUDA**

## **ABSTRAK**

Bagi memenuhi sukatan pelajaran akhir tahun bagi kursus Pengajian Warisan, satu kajian telah dilaksanakan mengenai 'Kepentingan Pemuliharaan Koleksi di Muzium Sultan Abu Bakar dalam Kalangan Generasi Muda'. Bagi kajian ini, terdapat tiga objektif iaitu untuk mengenalpasti langkah-langkah yang digunakan dalam pengurusan koleksi muzium Sultan Abu Bakar, untuk mengetahui kaedah-kaedah yang digunakan dalam memulihara koleksi di muzium Sultan Abu Bakar dan untuk mengkaji sejauh mana tahap pengetahuan generasi muda berkaitan dengan pemuliharaan koleksi. Melalui kerjasama dengan muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang, dapat dihuraikan mengenai langkah-langkah pengurusan koleksi, kaedah-kaedah pemuliharaan koleksi dan tahap pengetahuan generasi muda mengenai pemuliharaan koleksi. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini memudahkan kajian untuk dilaksanakan. Akhir sekali melalui kajian ini sedikit sebanyak membantu membuka mata masyarakat terutamanya generasi muda mengenai bidang konservasi serta nilai sejarah dan warisan yang terdapat pada negara.

## ABSTRACT

A study was conducted on the Importance of Collection Conservation at the Sultan Abu Bakar Museum among the Young Generation. For this study, there are three objectives: to identify the measures used in the management of the Sultan Abu Bakar museum collection. To know the methods used in the Sultan Abu Bakar museum collection and to examine the extent of knowledge of the younger generation related to conservation collection. Through the collaboration with the Sultan Abu Bakar Museum, Pekan, Pahang, can be described the collection management measures, methods of collection conservation, and the level of knowledge of the younger generation on collection conservation. The methodology used in this study facilitates the study to be implemented. Finally, this study, to some extent, helps to open the eyes of society, especially the younger generation, on the field of conservation and the value of history and heritage found in the country.

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN



## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1. Pengenalan**

Berdasarkan kajian dalam peringkat sarjana muda ini, tajuk yang difokuskan ialah kepentingan pemuliharaan koleksi di muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang dalam kalangan generasi muda. Kajian ini bertujuan untuk mendedahkan mengenai pemuliharaan koleksi yang dilakukan di muzium yang dipilih kepada generasi muda kerana kebanyakan daripada mereka tidak arif mengenainya. Kajian ini melibatkan koleksi di muzium Sultan Abu Bakar dari segi langkah-langkah pengurusannya iaitu secara perolehan, pendaftaran, konservasi serta penstoran dan penyimpanan. Kaedah-kaedah pemuliharaan yang dilakukan pula melibatkan koleksi yang terdapat pada muzium. Melalui penyelidikan ini, pengkaji juga ingin mendapatkan maklumat mengenai sejauh mana tahap pengetahuan generasi muda mengenai pemuliharaan koleksi daripada persoalan-persoalan yang diberikan melibatkan muzium ini. Hasil kajian ini sedikit sebanyak akan membantu pengkaji mengetahui tahap pengetahuan generasi muda dan membuka mata mereka mengenai bidang konservasi berkaitan koleksi di muzium. Pada bab pertama ini, pengkaji akan mendedahkan mengenai beberapa subtopik yang berkaitan kajian terdahulu, latar belakang, objektif, persoalan, permasalahan kajian, lokasi kajian, kepentingan kajian dan skop kajian.

### 1.1.1. Pengenalan kajian

Koleksi atau artifak merupakan sesuatu barangan yang mempunyai nilai tertentu yang menjadikan ianya istimewa untuk dipersembahkan. Ia juga mempunyai sejarah atau ciri-ciri unik yang menarik minat individu atau institusi untuk memeliharanya. Kebanyakan koleksi dikumpulkan dan disimpan di galeri, muzium atau simpanan peribadi sebagai barangan antik. Koleksi lama selalunya akan dipamerkan di muzium oleh sesebuah institusi bagi mempersembahkan budaya dan warisan mereka kepada masyarakat di samping menarik pelancong dari serata dunia.

Muzium mempunyai langkah-langkah pengurusan yang perlu dituruti bagi memastikan koleksi sedia ada terpelihara daripada ancaman kerosakan dan kepupusan. Pengurusan koleksi ini dipecahkan kepada beberapa aspek yang perlu dipatuhi bagi memastikan keberkesanannya kepada fungsi muzium. Antara aspek yang perlu dititikberatkan ialah mengenai perolehan, pendaftaran, konservasi serta penstoran dan penyimpanan. Perolehan melibatkan cara sesebuah koleksi di muzium diperolehi iaitu sama ada secara pembelian, pinjaman, hadiah, penyelidikan di lapangan dan wasiat. Perolehan melalui pembelian atau hadiah perlulah dilakukan secara telus, adil dan jujur mengikut prosedur yang telah ditetapkan untuk mencegah kebarangkalian yang tidak diingini dan boleh mencemarkan kebolehpercayaan pembekal atau muzium. Muzium akan melakukan perolehan koleksi mengikut tujuan muzium ditubuhkan, skop pengendalian atau bidang yang dimiliki serta berdasarkan modal kewangan yang disediakan. Pendaftaran koleksi

bertujuan untuk merekodkan koleksi yang dimiliki oleh muzium serta memudahkan urusan penggunaan dan penyimpanan. Terdapat beberapa prosedur yang perlu dituruti seperti pendaftaran perolehan tahunan, pendaftaran mengikut klasifikasi, pengisian kad tag, menulis nombor pendaftaran, penyediaan doket dan penyediaan inventori. Kesemua peringkat ini penting sebelum langkah-langkah pengurusan seterusnya dapat dilaksanakan.

Konservasi perlu dilakukan bagi memperbaiki dan memelihara koleksi sebelum dipamerkan di muzium. Kaedah konservasi melibatkan konservasi, pemeliharaan, pemulihan dan pembinaan semula. Tujuannya adalah untuk memastikan koleksi tahan lebih lama dan dalam keadaan yang baik. Penstoran dan penyimpanan pula merupakan proses yang penting kerana sebahagian koleksi sangat sensitif. Elemen-elemen seperti cahaya, udara atau kelembapan, serangga dan makhluk perosak serta manusia menjadi penyumbang kepada kerosakan koleksi. Penyimpanan di tempat yang sesuai amatlah penting supaya koleksi kekal terpelihara. Antara tempat penyimpanan yang disediakan oleh muzium adalah penyimpanan terbuka, sistem simpanan boleh lihat, penyimpanan tertutup, sistem bertingkat, sistem mudah alih, penggantungan di dinding dan penggunaan bekas.

Akhir sekali, berkaitan kaedah-kaedah pemuliharaan koleksi di muzium, ianya melibatkan proses sebelum, semasa dan selepas dan bergantung kepada jenis koleksi tersebut. Terdapat dua jenis material iaitu organik dan bukan organik. Ianya akan menentukan bagaimana proses pemuliharaan koleksi itu dilakukan. Selain jenis material, reka

bentuk dan kadar kerosakan juga menentukan kaedah pemuliharaan yang tepat. Setelah itu, pemilihan kaedah pemuliharaan dipilih berdasarkan aktiviti yang sesuai sama ada konservasi preventif atau konservasi kuratif.

Sepanjang kajian ini dilakukan, pengkaji telah mendapatkan bantuan dan tunjuk ajar daripada kakitangan muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang mengenai proses pengurusan dan kaedah pemuliharaan koleksi. Seterusnya mengetahui pandangan generasi muda yang berada di sekitar Pekan mengenai kepentingan pemuliharaan tersebut.

## **1.2 Kajian terdahulu**

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menyatakan tentang kajian-kajian terdahulu yang telah dirujuk bagi melengkapkan kajian yang dilakukan. Kajian-kajian terdahulu ini penting untuk memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat yang diperlukan di samping menambah baik kekurangan yang terdapat pada kajian.

Pengkaji telah memfokuskan beberapa kajian yang dianggap sesuai untuk dirujuk. Kajian pertama yang difokuskan adalah mengenai sejarah dan perkembangan muzium Sultan Abu Bakar Pekan, Pahang. Kajian berkaitan muzium ini dilakukan kerana ianya merupakan lokasi penyelidikan koleksi yang telah dipilih oleh pengkaji. Muzium ditafsirkan sebagai tempat penyimpanan dan pameran bagi barang-barang bersejarah dan sains (Kamus Pelajar Edisi Kedua, 2017). Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang merupakan sebuah muzium yang pada mulanya dibangunkan

sebagai kediaman British pada tahun 1929 sebelum dijadikan ibu pejabat Jepun ketika pendudukan Jepun di Pahang. Menurut Jabatan Warisan Negara (2016), muzium ini ditukar kepada Istana Rasmi Negeri oleh Almarhum Sultan Abu Bakar dan digelar 'Istana Kota Beram'. Kemudian, istana baru dibina pada tahun 1959-1965 berdekatan dengan kawasan Istana Terentang untuk dijadikan tempat bersemayamnya D.Y.M.M Sultan Pahang. Oleh itu, pada 17 Mac 1976, Lembaga Muzium Negeri Pahang telah mengambil alih muzium lama dan menjadikannya sebagai Muzium Sultan Abu Bakar. Muzium ini mempamerkan koleksi tinggalan raja, koleksi yang berasal dari China kuno serta barang-barang yang berkaitan etologi, arkeologi. (Jabatan Warisan Negara, 2016). Pengkaji memilih untuk memfokuskan mengenai koleksi di muzium tersebut kerana kajian terdahulu tidak menerangkan dengan terperinci mengenai koleksi di muzium.

Kajian lepas kedua adalah berkaitan generasi muda. Generasi muda yang disebutkan ini menurut *World Health Organisation (WHO)(2020)* merupakan 'remaja' bagi individu berusia 10-19 tahun dan 'belia' bagi individu berusia 15-24 tahun. Rujukan berkaitan artikel ini dilakukan bagi mencapai objektif kajian yang memberi fokus mengenai generasi muda serta pandangan mereka mengenai bidang konservasi terhadap koleksi di muzium.

Kajian ketiga pula adalah pengurusan koleksi dalam pemuziuman. Menurut Zuraidah Hassan (2012), pengurusan koleksi adalah teras perniagaan muzium yang memerlukan pelaksanaan dengan sempurna mengikut piawaian standard yang telah ditetapkan oleh Majlis Muzium

Antarabangsa (ICOM). Pengurusan koleksi merupakan langkah-langkah yang penting dalam pemuziuman. Terdapat banyak penerangan mengenai prosedur dari awal hingga ke akhir dari segi perolehan, pendaftaran, konservasi serta penstoran dan penyimpanan koleksi. Melalui proses ini dapat dirumuskan beberapa tatacara perlu dilakukan untuk menguruskan koleksi di muzium. Prosedur yang dinyatakan adalah jelas bagi memastikan penjagaan warisan dapat dilakukan dengan cara yang betul dan mudah difahami. Ianya sesuai bagi pengkaji mendapatkan serba sedikit pengetahuan mengenai proses pengurusan di muzium.

Kajian lepas keempat yang dirujuk adalah berkaitan konsep pemuliharaan. Pengkaji memilih kajian pemuliharaan kerana penyelidikan yang dilakukan adalah mengenai koleksi yang terdapat di muzium. Menurut Akta Warisan Kebangsaan (2005) (Akta 645), pemuliharaan termasuk aktiviti pemeliharaan, pemulihan, pembaikpulihan, pembinaan semula dan penyesuaian atau mana-mana gabungannya. Pemuliharaan adalah proses mengelakkan kemusnahan, pereputan, pengabaian atau penyalahgunaan melalui pengurusan monumen bangunan dan tapak, (Burden, 2014). Melalui kajian ini pengkaji dapat menentukan kaedah pemuliharaan yang sesuai untuk koleksi yang terdapat di muzium.

Kajian kelima melibatkan aktiviti konservasi. Terdapat dua bahagian iaitu konservasi preventif dan konservasi kuratif. Menurut Jabatan Muzium Negara (2016), konservasi preventif adalah suatu tindakan yang diambil bagi mengelakkan pelapukan secara semulajadi objek disebabkan faktor persekitaran seperti cahaya kelembapan, suhu, pencemaran udara dan juga perosak seperti serangga, kulat. Konservasi kuratif pula ialah tindakan

yang diambil bagi menghalang proses deteriorasi. Tindakan dilakukan ini bertujuan untuk merencatkan dan menghentikan proses deteriorasi terhadap koleksi, Jabatan Muzium Negara, (2016). Ianya melibatkan dua jenis bahan iaitu organik atau bukan organik. Bahan organik adalah seperti rotan, kayu, buluh dan kulit haiwan manakala bahan bukan organik adalah seperti batu, besi dan logam. Kajian ini membantu dalam menentukan kaedah pemuliharaan yang sesuai untuk jenis koleksi yang ditumpukan.

Kajian lepas keenam yang dirujuk ialah mengenai kaedah konservasi yang mana melibatkan empat kaedah iaitu konservasi, pemeliharaan, pemulihan dan pembinaan semula. Menurut Jabatan Warisan Negara (2016), konservasi merupakan istilah yang digunakan dalam memelihara tapak, monumen dan bangunan yang merangkumi proses pemeliharaan, pemulihan, pembinaan semula, pemugaran, penyesuaian guna ataupun gabungan antara satu sama lain. Kaedah-kaedah ini wajib diketahui sekiranya kajian yang dilakukan melibatkan pemuliharaan. Menurut Mohammad Shawali Badi (2000), konservasi merupakan kerja-kerja penjagaan dan pengawasan sesebuah tapak atau monumen untuk mengelakkan kerosakan melalui kaedah saintifik dengan penggunaan prosedur tertentu. Prosedur-prosedur ini penting bagi memastikan konservasi yang dilakukan tepat.

### **1.3 Latar belakang kajian**

Pengkaji telah menetapkan untuk melakukan kajian di sebuah muzium iaitu muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang. Muzium ini merupakan tempat tinggal Residen British yang pertama di Pahang iaitu J. P. Rodger sewaktu

1880-an, sebelum ianya diubah kepada ibu pejabat bagi Angkatan Tentera Jepun semasa Jepun menduduki Pahang. Seterusnya bangunan ini telah digunakan sebagai istana kepada Almarhum Sultan Abu Bakar buat seketika sebelum ditukarkan sebagai sebuah muzium iaitu Muzium Sultan Abu Bakar yang berfungsi untuk mempamerkan koleksi-koleksi negeri serta dijadikan tempat untuk melakukan pendokumentasian.

Kajian ini memberi fokus tentang langkah-langkah yang digunakan dalam pengurusan koleksi bagi muzium yang dipilih iaitu secara perolehan, pendaftaran, konservasi, penstoran dan penyimpanan. Pengkaji juga dapat menyatakan kaedah-kaedah pemuliharaan koleksi dari segi proses pemuliharaan yang digunakan terhadap koleksi di muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang dan mengetahui sejauh mana tahap pengetahuan generasi muda berkaitan dengan pemeliharaan koleksi melalui persoalan-persoalan yang dinyatakan.

#### **1.4 Objektif kajian**

Berikut merupakan objektif yang telah digariskan oleh pengkaji:

- 1.4.1 Untuk mengenalpasti langkah-langkah yang digunakan dalam pengurusan koleksi muzium Sultan Abu Bakar.
- 1.4.2 Untuk mengetahui kaedah-kaedah yang digunakan dalam memulihara koleksi di muzium Sultan Abu Bakar.
- 1.4.3 Untuk mengkaji sejauh mana tahap pengetahuan generasi muda berkaitan dengan pemuliharaan koleksi.



## 1.5 Persoalan kajian

Bagi memenuhi objektif kajian, pengkaji telah merumuskan beberapa persoalan kajian yang akan dihuraikan bagi mencapai objektif kajian. Terdapat beberapa persoalan iaitu:

1.5.1 Bagaimanakah proses pengurusan koleksi muzium Sultan Abu Bakar?

1.5.2 Apakah kaedah yang digunakan dalam memulihara koleksi muzium Sultan Abu Bakar?

1.5.3 Sejauhmanakah tahap pengetahuan generasi muda terhadap pemuliharaan koleksi muzium Sultan Abu Bakar?

## 1.6 Permasalahan kajian

Melalui kajian ini terdapat beberapa permasalahan yang ditimbulkan iaitu:

1.6.1 Kurangnya pendedahan mengenai muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang

Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang, meninggalkan banyak sejarah dan peninggalan bernilai namun kurang menjadi tempat tarikan terutamanya kepada generasi muda. Mereka lebih gemar mengunjungi tempat-tempat hiburan seperti pusat beli-belah dan mengangkat budaya warisan barat melebihi budaya warisan negara. Kebanyakan tidak terdedah dengan kandungan yang terdapat di dalam muzium Sultan Abu Bakar. Sebahagiannya melawat hanya untuk mengambil gambar di luar muzium sahaja kerana latarnya yang menarik.

1.6.2 Kurang pengetahuan mengenai pengurusan koleksi


Apabila kurangnya pendedahan kepada muzium, maka pengetahuan tentang pengurusan koleksi dan kaedah pemuliharaannya juga tidak diketahui. Hal ini akan menyebabkan tiada perintis daripada generasi muda di Pekan yang akan meneruskan pemuliharaan koleksi di muzium kelahiran daerah ini.

### 1.6.3 Pengabaian kepentingan koleksi dan artifak lama

Kepentingan koleksi dan artifak lama kurang dititikberatkan akan mengakibatkan tempat lainnya koleksi-koleksi, tapak atau monumen di sekitar daerah akan terbiar dan pupus kerana tiada laporan kepada pihak yang sepatutnya untuk memelihara warisan tersebut. Pemuliharaan bertujuan untuk melindungi dan mengekalkan warisan sedia ada. Bagi memastikan warisan di negara ini tidak terancam maka kesedaran dan pengetahuan tentangnya perlu diterapkan kepada generasi muda supaya mereka tahu untuk menilainya.

## 1.7 Lokasi kajian

Pahang merupakan negeri ketiga terbesar di Malaysia dan negeri yang terbesar di semenanjung Malaysia. Negeri Pahang merangkumi kawasan yang berkeluasan 35,965 kilometer persegi dan terbahagi kepada 11 daerah iaitu Pekan, Kuantan, Rompin, Temerloh, Maran, Jerantut, Bera, Bentong, Raub, Lipis dan Cameron Highlands. Secara keseluruhannya sebanyak 1,572,700 juta penduduk menetap di negeri ini dengan kepadatan 43 orang bagi setiap kilometer.



Rajah 1.1: Peta Semenanjung Malaysia

Sumber: Portal Diraja Pahang (2016) pada 1 Disember 2020 daripada

[http://www.dirajapahang.my/portaldiraja/?page\\_id=485](http://www.dirajapahang.my/portaldiraja/?page_id=485)

Pekan merupakan sebuah daerah yang terkenal kerana merupakan bandar diraja dan ibu negeri Pahang. Sejak abad ke 17 dikatakan bahawa bandar Pekan telah wujud. Menurut kisah nenek moyang terdahulu, Pekan mendapat nama daripada sejenis bunga iaitu Bunga Pekan yang tumbuh menjalar dengan banyak di kawasan tebing Sungai Pahang. Bunga Pekan ini berwarna putih mirip seperti bunga Melor namun malangnya spesiesnya sudah pupus dan tidak boleh diperkenalkan kepada generasi pada waktu ini. Di bandar ini juga terdapat Sungai Pekan yang berdekatan dengan Kampung Mengkasar namun tiada bukti yang sahih menyatakan bahawa nama Pekan diperolehi daripada sungai tersebut. Pekan merupakan sebuah daerah yang 50km berdekatan dengan Kuantan, berhampiran Laut China Selatan dan tebing Selatan sungai Pahang.



- Petunjuk:**
- Sungai
  - Jalan
  - Kawasan dalam Pekan

Rajah 1.2: Peta daerah Pekan

Sumber: Google Maps (2020) pada 1 Disember 2020 daripada

<https://www.google.com.my/maps/place/Pekan,+Pahang/@3.2696631,102.8451493,10z/data=!3m1!4b1!4m5!3m4!1s0x31cf148d79ac4dfb:0x7189f6db57736bb6!8m2!3d3.492095!4d103.3895446>

Lokasi muzium Pekan atau dikenali sebagai muzium Sultan Abu Bakar ini terletak di Jalan Sultan Ahmad, Pekan, Pahang. Ianya merupakan salah satu tarikan pelancong di Pekan. Muzium ini mudah untuk ditemui kerana terletak di tengah bandar Pekan dan hanya memakan masa selama 20 minit untuk sampai ke destinasi daripada Universiti Malaysia Pahang. Kenderaan yang digunakan untuk ke muzium ini adalah motosikal untuk memudahkan perjalanan kerana laluan di kawasan ini sering sibuk dengan kenderaan-kenderaan yang berulang-alik ke tempat kerja.



Rajah 1.3: Peta Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang

Sumber: Google Maps (2020) dicapai pada 1 Disember 2020 daripada

<https://www.google.com.my/maps/place/Pekan,+Pahang/@3.2696631,102.8451493,10z/data=!3m1!4b1!4m5!3m4!1s0x31cf148d79ac4dfb:0x7189f6db57736bb6!8m2!3d3.492095!4d103.3895446>

## 1.8 Kepentingan kajian

Pemuliharaan merupakan kaedah yang penting dalam konservasi bagi memastikan warisan yang sedia ada dilindungi dan kekal untuk tempoh masa yang lama. Dalam kajian pemuliharaan koleksi di muzium yang dilakukan pengkaji terdahulu, tidak didedahkan tentang kaedah pemuliharaan yang memfokuskan koleksi di muzium secara spesifik serta ianya berkaitan dengan tanggungjawab badan tertentu sahaja. Maka pendedahan daripada kajian ini perlu dilakukan supaya generasi muda mempunyai pengetahuan tentang pengurusan dan kaedah pemuliharaan koleksi yang terdapat di muzium yang dinyatakan dan mampu menambah pengetahuan, memberikan pandangan

serta menyedari bahawa tanggungjawab untuk menjaga warisan merupakan tanggungjawab bersama dan bukan kepada badan tertentu sahaja.

### 1.9 Skop kajian

Skop kajian yang dilakukan ini adalah tertumpu kepada muzium yang terletak di Pahang dan di dalam daerah Pekan sahaja. Fokus kajian ini adalah berdasarkan langkah-langkah pengurusan koleksi di muzium berkaitan perolehan, pendaftaran, konservasi serta penstoran dan penyimpanan. Kaedah-kaedah pemuliharaan pula melibatkan proses pemuliharaan yang dilakukan kepada koleksi di muzium. Persoalan-persoalan yang berkaitan dengan muzium diedarkan untuk mengetahui sejauh manakah tahap pengetahuan generasi muda berkaitan pemuliharaan koleksi. Bagi golongan muda yang terlibat dalam kajian pula, mereka adalah dalam lingkungan 10 hingga 19 tahun sahaja.



Rajah 1.4: Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang

Sumber: *Tripadvisor* (2019) dicapai pada 12 Jun 2021 daripada [https://www.tripadvisor.com.my/Attraction\\_Review-g2314857-d4293024-Reviews-Muzium\\_Sultan\\_Abu\\_Bakar-Pekan\\_Pahang.html](https://www.tripadvisor.com.my/Attraction_Review-g2314857-d4293024-Reviews-Muzium_Sultan_Abu_Bakar-Pekan_Pahang.html)

## **1.10 Struktur tesis**

### **Bab 1: Pengenalan**

Bab 1 ini akan menyentuh serba sedikit tentang sejarah muzium Sultan Abu Bakar, Pekan. Terdapat pendedahan mengenai langkah-langkah pengurusan koleksi yang melibatkan perolehan, pendaftaran, konservasi serta penstoran dan penyimpanan. Kaedah-kaedah pemuliharaan juga di terangkan serba sedikit serta tujuan kajian ini dilakukan yang melibatkan generasi muda. Bab ini juga menggariskan mengenai beberapa objektif kajian dan persoalan kajian yang akan menjadi fokus utama kajian dilakukan. Beberapa elemen penting mengenai kajian turut dinyatakan di bahagian bab ini.

### **Bab 2: Prosedur penjagaan koleksi di muzium dan penglibatan generasi muda**

Bab 2 ini akan menerangkan serba sedikit tentang beberapa sorotan kajian yang telah diperoleh melalui penyelidikan berkaitan dengan pengurusan dan pemuliharaan di muzium serta penglibatan generasi muda. Ianya bagi memudahkan pengkaji untuk melakukan kajian yang dipilih. Bahagian bab ini akan menerangkan tentang hasil sorotan kajian yang diambil. Hasil-hasil ini diperoleh melalui sumber bacaan dan beberapa rujukan artikel oleh pengkaji-pengkaji terdahulu yang mana serba sedikit dapat membantu dalam menjalankan penyelidikan yang amat berkait rapat dengan tajuk. Ianya

termasuk sejarah dan perkembangan muzium yang dikaji, generasi muda, pengurusan koleksi dalam pemuziuman, konsep pemuliharaan, aktiviti konservasi dan kaedah konservasi.

### **Bab 3: Metodologi kajian**

Melalui bab 3, pengkaji serba sedikit menerangkan kaedah-kaedah yang digunakan dalam mendapatkan maklumat bagi memenuhi kajian. Kajian ini melibatkan temu bual untuk mendapatkan maklumat daripada pihak berkenaan serta mengetahui pandangan daripada generasi muda yang terdapat di kawasan yang dikaji. Ianya merupakan pengumpulan data melalui apa yang dilihat, didengar dan dicatat melalui respon daripada masyarakat yang mana penting kerana melibatkan persepsi individu tentang sesuatu perkara. Penggunaan borang soal selidik diperlukan di dalam kajian ini. Melalui kaedah ini pengkaji boleh menganalisis kecenderungan atau minat serta kefahaman generasi muda kepada warisan yang mana menunjukkan bagaimana ianya dilihat pada waktu kini.

### **Bab 4: Analisis kajian**

Melalui bab ini, pengkaji akan menerangkan serba sedikit mengenai hasil kajian yang diperolehi melalui kaedah-kaedah kajian yang telah dilakukan. Melalui hasil kajian ini juga pengkaji dapat menghuraikan mengenai kajian yang telah dilakukan di muzium Sultan Abu Bakar mengikut objektif-objektif yang telah dipilih iaitu berkaitan langkah-langkah pengurusan koleksi, kaedah-kaedah pemuliharaan koleksi dan sejauhmanakah tahap pengetahuan generasi muda mengenai pemuliharaan koleksi di muzium yang dikaji.

### **Bab 5: Kesimpulan dan cadangan**



Melalui bab 5 ini, pengkaji akan menjelaskan secara keseluruhan mengenai kesimpulan yang diperoleh daripada kajian yang dilakukan. Pengkaji juga akan menyatakan beberapa cadangan yang boleh dilakukan untuk memastikan kepentingan pemuliharaan koleksi di muzium dipandang serius oleh generasi muda pada masa yang akan datang.

### **1.11 Rumusan bab**

Melalui bab ini, dapat dijelaskan beberapa perkara penting berkaitan dengan penyelidikan yang meliputi pengenalan kajian, latar belakang kajian, permasalahan kajian, skop kajian dan kepentingan kajian. Hal ini dapat membantu pengkaji melihat secara keseluruhan tujuan dan faktor-faktor yang mendorong kajian ini dilakukan di samping mencapai matlamat kajian.

## **BAB 2**

### **PROSEDUR PENJAGAAN KOLEKSI DI MUZIUM DAN PENGLIBATAN**

#### **GENERASI MUDA**

##### **2.1 Pengenalan**

Berdasarkan pendahuluan yang dinyatakan pada bab 1 berkenaan latar belakang, objektif dan tujuan kajian, terdapat beberapa sorotan kajian yang telah diperoleh melalui penyelidikan berkaitan dengan pemuliharaan di muzium. Ianya bagi memudahkan pengkaji untuk melakukan kajian yang dipilih. Bahagian bab ini akan menerangkan tentang hasil sorotan kajian yang diambil. Hasil-hasil ini diperoleh melalui beberapa rujukan artikel oleh pengkaji-pengkaji terdahulu yang mana serba sedikit dapat membantu dalam menjalankan penyelidikan, seterusnya berkaitan dengan tajuk.

##### **2.2 Prosedur penjagaan koleksi di muzium dan penglibatan generasi muda**

Penjagaan koleksi merupakan salah satu proses yang penting kepada sesebuah muzium. Ianya melibatkan kaedah yang disediakan bagi memastikan setiap prosedur adalah seragam. Setiap muzium mempunyai prosedur yang tersendiri mengikut tujuan utama ianya ditubuhkan. Namun, prosedur-prosedur penjagaan koleksi adalah hampir sama antara satu sama lain. Pengkaji memilih untuk memfokuskan satu muzium supaya penjagaan koleksi boleh dihuraikan dengan lebih terperinci. Melalui muzium yang dipilih juga pengkaji boleh mendedahkan kaedah pemuliharaan koleksi utama yang digunakan oleh pihak muzium tersebut. Pengkaji juga ingin mendapatkan respon daripada generasi

muda mengenai pemuliharaan yang dilakukan pada muzium yang dipilih agar mereka lebih terbuka dengan bidang konservasi.

### **2.1.1 Sejarah dan perkembangan muzium Sultan Abu Bakar, Pahang**

Muzium ditafsirkan sebagai tempat penyimpanan dan pameran bagi barang-barang bersejarah dan sains (Nor Hanisah Ahmad, 2016). Secara umumnya, muzium merupakan tempat dimana koleksi-koleksi lama dipamerkan serta tempat pendokumentasian dijalankan. Muzium merupakan tempat menyimpan barangan lama di dalam sebuah bangunan. Majlis Muzium Antarabangsa (ICOM) mendefinisikan muzium sebagai sebuah institusi yang bersifat tetap, tidak mencari keuntungan, memberikan perkhidmatan kepada masyarakat, perkembangan terbuka kepada umum, mendapatkan, merawat, menghubungkan dan mempamerkan untuk tujuan pendidikan, pembelajaran dan hiburan serta merupakan bukti-bukti tinggalan manusia dan persekitarannya. Muzium memainkan peranan yang penting kerana disitulah warisan sesebuah negara, negeri atau daerah dijaga, dilindungi dan diperkenalkan kepada masyarakat sama ada dari luar atau dalam negara. Muzium Sultan Abu Bakar merupakan tempat tinggal residen yang pertama di Pahang iaitu J. P. Rodger sewaktu 1880 an. British telah campur tangan di Pahang pada 24 Ogos 1888 kerana memerlukan tempat kediaman untuk meletakkan pegawai-pegawai mereka. Pihak British telah mendapatkan kebenaran Sultan Pahang pertama pada ketika itu untuk mendirikan bangunan khas untuk petempatan tersebut. Setelah Pahang mendapat residen iaitu J.P Rodger, beliau telah menetap di bangunan kayu

tersebut sehingga tahun 1898 (Tengku Halbert, 2018). Bangunan kayu ini telah ditukar kepada bangunan batu pada tahun 1929 kerana kerosakan yang berlaku akibat banjir yang melanda. Bangunan ini dijadikan markas pentadbiran Kampetai ketika berlakunya Perang Dunia Kedua tetapi tiada maklumat lanjut berkaitan keadaan yang berlaku ketika di bawah Jepun. Bangunan ini tidak mengalami sebarang perubahan namun kakitangan muzium pernah menjumpai peluru *machine gun* di sekitar kawasan bangunan. Menurut Msgold (2011), setelah perang tamat, bangunan ini dibiarkan begitu sahaja sehingga sebaik sahaja perang tamat, ianya secara rasminya diambil alih oleh Almarhum Sultan Abu Bakar sebelum akhirnya dijadikan muzium. Kini, muzium ini digunakan untuk mempamerkan koleksi-koleksi antik yang terdapat di seluruh negeri Pahang serta beberapa barang lama dari China serta membantu pengunjung mengenali tentang kesultanan Pahang dan negeri Pahang itu sendiri. Selain mempamerkan koleksi, muzium ini juga berfungsi untuk mendokumentasikan sejarah Pahang terutamanya berkenaan dengan raja-raja kuno (<http://heritage-gold.blogspot.com/2011/04/sejarah-bangunan-muzium-sultan-abu.html>).

### 2.2.2 Generasi muda

Generasi muda yang disebutkan ini menurut *World Health Organisation (WHO)*(2020) merupakan 'remaja' bagi individu berusia 10-19 tahun dan 'belia' bagi individu berusia 15-24 tahun. Kajian yang

dilakukan ini memfokuskan remaja kerana sesuatu pengetahuan itu lebih baik untuk didedahkan kepada seseorang pada peringkat awal. Lingkungan usia ini paling sesuai kerana mereka di dalam fasa yang agak matang untuk menyatakan pandangan dan membuat sesuatu keputusan. (<https://www.who.int/southeastasia/health-topics/adolescenthealth#:~:text=WHO%20defines%20'Adolescents'%20as%20individuals,age%20range%2010%2D24%20years>).

### 2.2.3 Pengurusan koleksi dalam pemuziuman

Menurut Ismawati Ismail (2013), pengurusan adalah sesuatu proses merancang, menyusun, mengarah serta mengawal usaha setiap ahli organisasi dan menggunakan seluruh sumber organisasi bagi mencapai matlamat organisasi. Koleksi pula didefinisikan sebagai kumpulan barang yang telah dikumpulkan (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015). Majlis Muzium Antarabangsa (ICOM) (2012) menggariskan pengurusan koleksi sebagai perniagaan teras muzium yang memerlukan kesempurnaan dalam perlaksanaannya mengikut kepada piawaian *standard* institusi tersebut. Menurut Zuraidah Hassan & Ab. Samad Kechot (2012), pengurusan koleksi akan mencapai prosedur yang seragam apabila adanya akta dan kaedah dalam urusan penyediaannya. Terdapat beberapa prosedur yang perlu dipatuhi iaitu perolehan, pendaftaran, konservasi serta penstoran dan penyimpanan.

Bagi memperoleh koleksi, perancangan strategik harus dilaksanakan oleh pihak muzium supaya pengumpulan koleksi adalah

berdasarkan kepentingan peranan muzium iaitu muzium sebagai 'muzium wujud untuk memberitahu kisah, bukan untuk mengumpul benda' dan muzium tidak bertujuan untuk mengumpul semua benda 'muzium mengumpul benda tetapi bukan semua benda', (Md.Redzuan, 2001). Pembelian, pinjaman, hadiah penyelidikan di lapangan dan wasiat merupakan kaedah perolehan bagi muzium. Pembelian didefinisikan sebagai tindakan memperolehi atau memperoleh sesuatu melalui pertukaran dengan harga yang telah ditetapkan, (Faizal, 2020). Pembelian melibatkan persetujuan antara dua pihak iaitu penjual dan pembeli. Setelah mendapat kelulusan dari Jawatankuasa Sebutharga Jabatan, pembelian boleh terus dilakukan melalui pelbagai sumber dari dalam dan luar negeri, (Arkib Negara Malaysia, 2018). Kebanyakan koleksi yang terdapat di muzium adalah dimiliki secara pembelian.

Pinjaman didefinisikan sebagai barangan yang dipinjam oleh seseorang daripada individu atau sesuatu pihak, (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Perolehan secara pinjaman biasanya diperoleh daripada orang perseorangan dan institusi awam atau swasta. Ianya dilakukan ketika muzium mengadakan pameran dan tempoh pinjaman adalah singkat. Pinjaman bermula apabila sesuatu aktiviti atau projek memerlukan koleksi yang tidak dimiliki dalam simpanan dan berakhir dengan pemulangan semula kepada pemiliknya. Kaedah pinjaman bermula daripada proses penerimaan maklumat, perbincangan, keputusan, sehingga proses penerimaan atau penolakan koleksi.

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2017), hadiah merupakan pemberian sebagai penghargaan, penghormatan atau

kenang-kenangan. Menurut Zuraidah Hassan & Ab. Samad Kechot (2012), perolehan secara penerimaan hadiah ini terdiri daripada hadiah dari orang perseorangan, hadiah dari organisasi awam atau swasta, hadiah dari pembekal antik dan oleh masyarakat yang kurang kesedaran dan pengetahuan mengenai warisan. Ianya bermula dari proses tawaran oleh seseorang atau mana-mana pihak dan berakhir dengan penerimaan tawaran atau pemulangan semula koleksi tersebut. Penyelidikan di lapangan pula didefinisikan sebagai aktiviti penyelidikan yang merangkumi tempat awam, tapak kajian dan mana-mana lokasi atau premis bertujuan untuk mendapatkan sampel dan analisis di lapangan, (Zulaikha, 2020). Perolehan jenis ini diperolehi melalui sumber jumpaan, cari gali arkeologi dan pengumpulan spesimen alam semula jadi. Kaedah perolehan ini juga adalah sama dengan kaedah perolehan pinjaman.

Wasiat merupakan ikrar seseorang yang dibuat semasa hayatnya mengenai manfaat hartanya setelah meninggal dunia, (Amir,2015). Menurut Kamariah Ismail (2014), wasiat merupakan bahan-bahan yang diserahkan sebagai memenuhi permintaan bertulis atau lisan sama ada bersyarat atau tidak bersyarat sebelum individu tersebut meninggal dunia. Muzium turut memperolehi koleksi secara wasiat daripada mereka yang berniat untuk mewakafkan barang peribadi kepada pihak muzium mengikut kesesuaian yang telah ditetapkan.

Setelah perolehan dilakukan, koleksi yang dimiliki akan didaftarkan di muzium. Terdapat beberapa proses yang perlu dituruti bagi memudahkan proses penyimpanan dan penggunaannya.

Antaranya ialah pendaftaran perolehan tahunan, pendaftaran mengikut klasifikasi, pengisian kad tag, menulis nombor pendaftaran, penyediaan doket dan penyediaan inventori, (Zuraidah Hassan & Ab. Samad Kechot, 2012). Pendaftaran perolehan tahunan dilakukan kepada koleksi-koleksi mengikut sumber perolehan yang telah ditetapkan. Pendaftaran mengikut klasifikasi melibatkan jenis dan ciri-ciri koleksi tersebut. Pengisian kad tag dilakukan bagi memudahkan pencarian dan penyimpanan koleksi dilakukan. Nombor pendaftaran yang ditulis akan menjadikan koleksi yang disimpan lebih tersusun dan efektif. Penyediaan doket amat penting untuk melancarkan urusan pendaftaran. Menurut Kamus Dewan dan Pustaka (2017), doket ialah dokumen yang menyenaraikan barang yang dihantar. Koleksi-koleksi yang dihantar akan disenaraikan ke dalam dokumen untuk memudahkan pengurusan koleksi dilakukan. Akhir sekali penyediaan inventori. Inventori merupakan barang-barang yang terdapat di sesuatu tempat tertentu yang mempunyai senarai yang terperinci (Azhar Ismail, 2019). Penyediaan inventori di muzium dilakukan dengan menyenaraikan koleksi-koleksi yang terdapat di institusi tersebut. Setelah selesai pendaftaran, koleksi akan ke peringkat seterusnya iaitu pemuliharaan. Pemuliharaan yang disebut ini adalah berkaitan konservasi yang mana berfungsi untuk memelihara dan memulihara koleksi daripada rosak atau musnah, (Jabatan Warisan Negara, 2016). Muzium mempunyai pusat untuk melakukan aktiviti konservasi terhadap koleksi-koleksi yang dijumpai atau mengalami kerosakan. Koleksi-koleksi ini akan dipamerkan atau disimpan setelah aktiviti konservasi selesai dilakukan.



Langkah-langkah pengurusan terakhir ialah penstoran dan penyimpanan. Menurut Jabatan Muzium Negara (2021), penstoran merupakan proses menyimpan barangan bersejarah dan data-data penting bagi memastikan ianya terpelihara dan kekal lama. Ianya melibatkan keselamatan seperti alat penggera keselamatan, alat pencegah kebakaran, kad akses dan televisyen litar tertutup (CCTV), Zuraidah Hassan & Ab. Samad Kechot (2012). Ianya juga melibatkan penyimpanan koleksi di tempat yang bersesuaian bagi mengelakkan kerosakan yang disebabkan oleh faktor-faktor luaran (<http://ejournals.ukm.my/jmelayu/article/download/5056/2594>).

#### **2.2.4 Konsep pemuliharaan**

Pemuliharaan merupakan salah satu kaedah yang dilakukan untuk melindungi dan mengekalkan warisan yang sedia ada. Menurut Mohammad Shawali Badi (2000), pemuliharaan merupakan kerja-kerja penjagaan dan pengawasan sesebuah tapak atau monumen untuk mengelakkan kerosakan melalui kaedah saintifik dengan penggunaan prosedur tertentu. Menurut Zuraidah Hassan & Ab. Samad Kechot (2012) juga, terdapat pelbagai kaedah, teknik, metodologi dengan pelbagai prosedur, proses atau aplikasi diperkenal dan dipraktikkan di seluruh dunia, namun mempunyai matlamat yang sama iaitu memelihara, melindungi, merawat dalam hubungan mengembalikan warisan sejarah dan kebudayaan. Konsep pemuliharaan ini boleh difahami dengan lebih terperinci melalui kaedah konservasi yang

diaplikasikan

(<http://ejournals.ukm.my/jmelayu/article/download/5056/2594> ).

### 2.2.5 Aktiviti konservasi

Aktiviti konservasi melibatkan proses-proses yang dilakukan kepada koleksi untuk mengembalikannya kepada rupa asal atau menjadikan koleksi tersebut mempunyai jangka hayat yang lebih lama. Aktiviti konservasi ini melibatkan bahan organik dan bahan bukan organik. Bahan organik adalah bahan yang berasaskan karbon dan dari sumber haiwan dan tumbuhan, (Jabatan Muzium Malaysia, 2016). Bahan organik lebih mudah menyusut dan rosak disebabkan oleh serangan ejen perosak. Contoh bahan organik ialah buluh, rotan, kayu dan kulit.

Menurut Jabatan Muzium Negara (2016), bahan bukan organik adalah bahan yang terdiri daripada campuran mineral dan tidak terbentuk, terhasil daripada organisma hidup seperti logam dan batu. Bahan ini lebih mudah dipelihara dan dijaga berbanding bahan organik. Konservasi yang digunakan dalam pemuliharaan koleksi ialah konservasi preventif dan konservasi kuratif. Konservasi preventif adalah suatu tindakan yang diambil bagi mengelakkan pelapukan secara semulajadi objek disebabkan faktor persekitaran seperti cahaya kelembapan, suhu, pencemaran udara dan juga perosak seperti serangga, kulat. (Jabatan Warisan Negara, 2016). Konservasi kuratif pula ialah tindakan yang diambil bagi menghalang proses deteriorasi.

(Jabatan Warisan Negara, 2016). Tindakan yang dilakukan adalah untuk merencatkan atau menghentikan proses deteriorasi pada koleksi. (<http://www.jmm.gov.my/ms/content/konservasi>).

### 2.2.6 Kaedah konservasi

Menurut Jabatan Warisan Negara (2016), konservasi merupakan istilah yang digunakan dalam memelihara tapak, monumen dan bangunan yang merangkumi proses pemeliharaan, pemulihan, pembinaan semula, pemugaran, penyesuaian guna ataupun gabungan antara satu sama lain. Menurut Mohammad Shawali Badi (2000), terdapat beberapa takrifan yang berbeza dengan aplikasinya bagi konservasi koleksi. Konservasi (*conservation*), merupakan kerja-kerja baik pulih yang dilakukan bagi memulihkan semula monumen atau tapak bersejarah kepada seni bina dan bahan-bahan binaan yang hampir sama dengan keadaan asalnya. Pemeliharaan (*preservation*) merupakan kerja-kerja penjagaan dan pengawasan sesebuah tapak atau monumen warisan bagi memastikan ianya tidak mengalami kerosakan dengan menggunakan kaedah saintifik mengikut prosedur tertentu. Pemulihan (*restoration*), merupakan kerja-kerja baik pulih dengan mengekalkan keaslian seni bina dan bahan-bahannya kepada suatu masa atau era tertentu yang mana difikirkan sesuai atau sebaik mungkin ke tahap ia mula didirikan dan seterusnya ke tahap penggunaan asalnya. Kerja-kerja pembinaan semula bahagian-bahagian asal yang mengalami kerosakan atau kemusnahan diperlukan

bagi memastikan koleksi dapat berfungsi seperti keadaan asalnya. Pembinaan semula dilakukan terhadap monumen atau tapak sejarah yang telah musnah namun mempunyai rekod seni bina dan bahan-bahan asalnya. Monumen dan tapak tersebut mestilah mempunyai nilai warisan dan seni bina yang tinggi. (<http://ejournals.ukm.my/jmelayu/article/download/5056/2594>).

## 2.1 Kerangka teori

### 2.1.1 Teori konservasi

Menurut O.P Agrawal (1977), konservasi adalah apa-apa tindakan yang diambil bagi menentukan sifat serta kesesuaian bahan yang digunakan dalam apa-apa jenis pegangan budaya sesuatu tempat, pengendalian atau rawatan, apa-apa tindakan yang diambil di bawah kawalan yang ditetapkan, pengawalan kemerosotan dan sebarang tindakan yang diambil untuk memperbaiki keadaan pegangan tersebut. Konservasi adalah aktiviti yang penting dalam pemuziuman. Aktiviti pemprosesan, pembaikan dan pemeliharaan perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum koleksi dipamerkan kepada tatapan umum. Setiap artifak yang ingin dipamerkan perlulah mematuhi protokol yang telah ditetapkan.

Terdapat beberapa prinsip konservasi yang perlu dituruti iaitu:

- i. Pendekatan adalah bersifat (kuratif) iaitu merawat dan bukan semata-mata untuk mengembalikan keadaannya 100%.

- ii. Mengembalikan koleksi ke tahap asal yang paling hampir.
- iii. Pengekalan keaslian iaitu:
  - a. Keaslian reka bentuk
  - b. Keaslian bahan
  - c. Keaslian tata letak
  - d. Keaslian teknologi pengerjaan
- iv. Pemindahan struktur, bahan atau gantian diminimumkan kecuali jika merupakan kaedah terakhir untuk memelihara tapak atau monumen. Perekodan, teknik pemasangan asal, saiz dan jenis perlu dituruti bagi penggantian bahan baru.
- v. Perlaksanaan dan perancangan kerja perlu dilakukan oleh kumpulan pakar serta memerlukan multidisiplin ilmu seperti sejarah, perundangan dan seni bina.
- vi. Penggunaan kaedah saintifik dan sistematik dalam kaedah kerja
- vii. Aspek penyelenggaraan, keselamatan dan masa depan tapak atau monumen perlu merangkumi pelaksanaan kerja dan perancangan kos.
- viii. Pendokumentasian perlu dilakukan dalam setiap proses dan peringkat kerja.

## 2.2 Rumusan bab

Berdasarkan bab dua ini, dapat dinyatakan tentang rujukan yang dilakukan daripada beberapa kajian lepas yang memberi kemudahan kepada pengkaji untuk menjalankan penyelidikan seterusnya. Teori yang dipilih adalah berdasarkan tujuan kajian untuk mendedahkan mengenai pemeliharaan yang dilakukan di muzium yang mana dapat diaplikasikan serta membantu penilaian dilakukan kepada generasi muda mengenai tahap pengetahuan mereka terhadap pemeliharaan koleksi.


## BAB 3

### METODOLOGI

#### 3.1 Pengenalan

Pada bahagian bab tiga ini, pengkaji serba sedikit menerangkan tentang metodologi kajian, dan kaedah kajian yang digunakan dalam mendapatkan maklumat bagi memenuhi kehendak kajian. Melalui kaedah ini pengkaji boleh menganalisis langkah-langkah pengurusan koleksi, kaedah-kaedah pemuliharaan koleksi dan tahap pengetahuan generasi muda mengenai pemuliharaan koleksi yang mana menunjukkan bagaimana warisan dinilai pada waktu kini.

#### 3.2 Metodologi kajian



Rajah 3.1: Carta alir metodologi kajian

Terdapat dua jenis data iaitu kuantitatif dan kualitatif. Kajian yang dilakukan ini menggunakan data campuran iaitu kualitatif dan kuantitatif dalam satu kajian yang melibatkan data primer dan sekunder. Antara kaedah yang digunakan adalah pemerhatian, temu bual dan soal selidik serta rujukan perpustakaan. Kesemua kaedah ini digunakan bagi mengetahui tentang langkah-langkah pengurusan koleksi, pemuliharaan koleksi dan tahap pengetahuan generasi muda mengenai pemuliharaan koleksi.

Bagi kaedah kualitatif, ianya merupakan kaedah yang tidak melibatkan angka dan penerangan data yang dihasilkan adalah melalui lisan dan bahasa. Pengumpulan data bagi kaedah kualitatif adalah berdasarkan penghuraian deskriptif, catatan verbal, nota pandangan dan bahan dokumentasi. Melalui kaedah ini, analisis yang dilakukan adalah secara mendalam dan dalam jangka masa yang panjang. Antara instrumen yang digunakan bagi kaedah ini adalah seperti temu bual dan pemerhatian. Kaedah temu bual membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat tambahan mengenai sesuatu perkara dengan lebih terperinci. Kaedah pemerhatian pula membantu penyelidikan yang dilakukan untuk lebih difahami kerana pengkaji akan melibatkan diri dengan perkara yang dikaji dengan lebih dekat lagi.

Kaedah kuantitatif pula merupakan kaedah yang melibatkan penggunaan angka dan statistik. Statistik melibatkan pengiraan seperti mod, median, min, peratusan dan sisihan piawaian. Pendekatan ini adalah lebih berstruktur, memberi makna yang jelas dan tertumpu kepada hasil. Kaedah kuantitatif menggunakan instrumen seperti soal selidik. Melalui kaedah ini, dapatan kajian mengenai penyelidikan yang dilakukan dapat disokong melalui pengedaran borang soal selidik. Ianya amat relevan kerana menggunakan



angka yang menjadi hasil daripada analisis yang dilakukan. Boleh dinyatakan bahawa kaedah ini membantu dalam mendapatkan maklumat yang tepat dan sahih.

### **3.3 Teknik pengumpulan data**

Teknik pengumpulan data merupakan kaedah yang digunakan untuk memperoleh data penelitian. Terdapat beberapa teknik yang digunakan.

#### **3.3.1 Data primer**

Teknik yang digunakan ini adalah secara pengumpulan data berdasarkan sumber pertama atau awal. Data ini dilakukan untuk mengetahui mengenai sesuatu maklumat secara kursus yang mana amat diperlukan oleh penyelidik. Data ini dikumpulkan oleh pengkaji sendiri. Contoh maklumat adalah daripada pemerhatian, temu bual dan soal selidik. Pemerhatian dilakukan di tempat kajian manakala temu bual pula dilakukan dengan pertanyaan beberapa soalan secara bersemuka. Soal selidik pula boleh dilakukan melalui pengagihan borang.

##### **3.3.1.1 Pemerhatian**


Pemerhatian dilakukan di muzium Sultan Abu Bakar untuk mengenalpasti koleksi-koleksi yang dipamerkan di muzium tersebut dan langkah-langkah pemuliharaannya. Kaedah ini dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang tepat mengenai tempat yang dikaji tersebut. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat mengetahui koleksi-koleksi yang terdapat pada muzium seperti barang-barang peninggalan raja Pahang, koleksi

berkaitan adat istiadat raja dan tembikar serta seramik daripada China serta bagaimana proses pemuliharaan dilakukan terhadap koleksi yang dipilih. Pengkaji telah mendapatkan kebenaran daripada salah seorang petugas muzium iaitu Encik Jalal bin Kamaruddin melalui email untuk melakukan kajian di muzium dan melihat sendiri bagaimana sesebuah koleksi menjalani proses pemuliharaan. Hasil daripada perbincangan yang dilakukan, pada 24 Januari 2021, pengkaji berkunjung ke muzium Sultan Abu Bakar. Kunjungan di muzium ini memakan masa selama dua hari bagi memastikan proses yang dilakukan tersebut sempurna. Melalui kaedah ini, pengkaji telah diberi peluang untuk melihat secara terus aktiviti pemuliharaan koleksi yang dilakukan oleh pihak muzium dan mempelajari tentang proses-proses konservasi pada sesebuah koleksi di muzium tersebut.

#### 3.3.1.2 Temu bual

Temu bual bersama pihak pengurusan dilakukan di muzium bagi mengetahui beberapa maklumat mengenai langkah-langkah pengurusan bagi tujuan pendedahan kepada kajian yang dilakukan. Hal ini kerana pihak pengurusan ini mempunyai maklumat yang berguna dan penting kepada kajian. Disebabkan keadaan yang tidak mengizinkan, pengkaji mengambil inisiatif untuk menemu bual salah seorang petugas muzium secara maya melalui aplikasi *whatsapp* dan bertanyakan mengenai pengurusan koleksi di muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang.

Pengkaji mendapatkan nombor telefon petugas muzium tersebut iaitu Encik Baihaqi bin Pauzi daripada Encik Jalal bin Kamaruddin melalui email setelah tidak dapat berjumpa secara terus. Melalui kaedah ini, pengkaji memperoleh maklumat terperinci mengenai pengurusan koleksi di muzium tersebut. Temu bual yang dilakukan ini adalah secara tidak formal dengan beberapa pertanyaan dilakukan secara spontan. Berikut merupakan antara perbualan di aplikasi *whatsapp*:



Rajah 3.2: Tangkapan skrin perbualan bersama petugas muzium

### 3.3.1.3 Soal selidik

Soal selidik dilakukan bagi mendapatkan pandangan daripada generasi muda di Pekan, Pahang tentang pemeliharaan koleksi untuk mengetahui tahap pengetahuan mereka. Soal selidik ini terbatas kepada remaja di dalam lingkungan 10-19 tahun di daerah Pekan. Borang ini diedarkan untuk mendapatkan respon yang pelbagai daripada setiap responden untuk

memudahkan pengkaji melakukan perbandingan yang mana akan melibatkan angka dan peratusan. Pengkaji memilih untuk membuat borang soal selidik ini secara atas talian menggunakan *google form* dan mengagihkannya kepada kelompok responden yang telah ditetapkan. Berikut merupakan maklumat yang terdapat pada borang soal selidik:

**BORANG SOAL SELIDIK**

**Kepentingan pemuliharaan muzium Sultan Abu Bakar Pekan, Pahang terhadap generasi muda**

Borang soal selidik ini didedahkan bertujuan untuk mendapatkan respon daripada generasi muda tentang sejauh mana pengetahuan yang dimiliki mengenai kepentingan pemuliharaan koleksi yang terdapat di muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang.

**Bahagian A: Demografi responden**

Sila tandakan (/) pada ruang yang disediakan

1. Jantina  
 Lelaki                       Perempuan

2. Umur  
 10-12                       16-17   
 13-15                       18-19

3. Bangsa  
 Melayu                       India   
 Cina                       Lain-lain \_\_\_\_\_  
 Nyatakan \_\_\_\_\_

**Bahagian B: Pengetahuan mengenai muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang**

Sila tandakan (/) pada 'YA' atau 'TIDAK' di ruang yang disediakan

BIL	PERKARA	YA	TIDAK
1.	Adakah anda pernah melawat muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang?		
2.	Adakah anda tahu apakah koleksi yang dipamerkan di muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang?		
3.	Adakah anda tahu bagaimanakah proses pemuliharaan dilakukan terhadap koleksi di muzium ini?		



**Bahagian C: Pandangan mengenai pemuliharaan koleksi di muzium**

Tandakan (/) pada ruang yang disediakan

Panduan:

1. Sangat tidak setuju (STS)
2. Tidak setuju (TS)
3. Setuju (S)
4. Sangat setuju (SS)

BIL	PERKARA	1 (STS)	2 (TS)	3 (S)	4 (SS)
1.	Pemuliharaan merupakan kaedah yang penting bagi melindungi koleksi warisan				
2.	Muzium perlu memberi pendedahan mengenai pemuliharaan koleksi secara umum				
3.	Peranan untuk menjaga koleksi warisan merupakan tanggungjawab pihak muzium sahaja				
4.	Kesedaran mengenai kepentingan pemuliharaan koleksi perlu dilakukan kepada masyarakat bermula dari bangku sekolah lagi				

**Kepentingan pemuliharaan koleksi di muzium Sultan Abu Bakar Pekan, Pahang terhadap generasi muda**

Borang soal selidik ini diedarkan bertujuan untuk mendapatkan respon daripada generasi muda tentang sejauh mana pengetahuan yang dimiliki mengenai kepentingan pemuliharaan koleksi yang terdapat di muzium Sultan Abu Bakar Pekan, Pahang.

Rajah 3.3: Borang soal selidik

Sumber: Soal selidik dalam talian

**3.3.2 Data sekunder**

Teknik yang digunakan ini adalah secara pengumpulan data daripada pengkaji lain. Sumber rujukan ini mengandungi maklumat-maklumat yang telah difokuskan oleh pengkaji sebelumnya yang mungkin tidak menepati kesemua kriteria atau kehendak pengkaji yang melakukan kajian yang baharu namun, memberi manfaat

kepada penyelidikan daripada beberapa isi yang terdapat pada rujukan tersebut. Contoh maklumat adalah daripada buku, artikel dan dokumen.

#### 3.3.2.1 Rujukan perpustakaan

Rujukan perpustakaan dilakukan bagi mendapatkan maklumat melalui bacaan ilmiah. Lazimnya, maklumat ini diperoleh daripada bacaan bertulis atau elektronik seperti jurnal, artikel dan akhbar. Melalui rujukan daripada sumber perpustakaan ini, pengkaji telah mendapatkan maklumat mengenai langkah-langkah pengurusan koleksi yang sering digunakan di muzium dan kaedah pemuliharaan yang dilakukan terhadap koleksi. Kajian-kajian terdahulu mengenai sumber ini membantu pengkaji dalam memperoleh maklumat tambahan berkaitan dengan kajian. Antara rujukan yang difokuskan adalah daripada penulisan Zuraidah Hassan dan Ab. Samad Kechot mengenai 'prosedur penjagaan koleksi warisan' kerana berkait rapat dengan kajian yang dilakukan. Maklumat-maklumat yang diperoleh amat berguna dan membantu pengkaji dalam mengukuhkan kajian yang dilakukan ini.

### 3.4 Rumusan bab

Secara kesimpulannya, penyelidikan yang akan dilakukan ini perlu mempunyai tujuan yang tepat bagi memastikan ianya mencapai hala tujuan yang betul. Segala maklumat yang dinyatakan ini dapat memacu pengkaji untuk memenuhi keperluan dalam kajian yang dipilih dan pada waktu yang sama

dapat memberikan kefahaman kepada pembaca. Kajian ini serba sedikit dapat memberi kesedaran kepada masyarakat terutamanya generasi muda tentang nilai warisan kepada negara, masyarakat dan diri mereka sendiri.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Pada bab ini, pengkaji akan mengemukakan dapatan dan analisis kajian secara terperinci berdasarkan objektif yang telah ditetapkan. Semasa melakukan kajian ini, terdapat kaedah yang telah ditukar ekoran masalah wabak Covid-19 yang menghalang pembukaan muzium di Pekan pada awal-awal penyelidikan dilakukan. Ianya ialah kaedah temu bual dengan pihak muzium mengenai langkah-langkah yang digunakan dalam pengurusan koleksi di muzium Sultan Abu Bakar. Temu bual telah dilakukan sewaktu muzium masih ditutup lagi dan maklumat sedia ada sudah diperolehi sekian lama sebelum pihak kerajaan bercadang untuk membuka sektor ini semula. Namun, pemerhatian kaedah-kaedah yang digunakan dalam memulihara koleksi di muzium dapat dilakukan mengikut perancangan semasa pengoperasian muzium ini dijalankan kembali. Pengedaran borang soal selidik kepada generasi muda di Pekan berkaitan pemuliharaan koleksi pula dapat dilaksanakan dengan lancar. Pengkaji melakukan temu bual secara maya untuk mencapai objektif pertama dengan bertanyakan beberapa soalan mengenai pengurusan koleksi melalui aplikasi 'whatsapp'. Bagi objektif kedua pula, pengkaji telah melihat sendiri bagaimana proses pemuliharaan sesebuah koleksi dilakukan setelah sahaja muzium dibuka semula. Pengkaji telah mendapatkan pendedahan mengenai bagaimana proses pemuliharaan dilakukan terhadap koleksi di muzium tersebut daripada pihak Unit Pengurusan Koleksi Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang iaitu Cik Amy Marina.



Objektif ketiga pula diperoleh dengan mengedarkan borang soal selidik secara atas talian. Pengkaji telah menyediakan beberapa soalan dan diedarkan kepada generasi muda di Pekan mengikut jumlah yang diperlukan tanpa berjumpa dengan mereka bagi mengelakkan risiko jangkitan Covid-19.

## **4.2 Langkah-langkah pengurusan koleksi di muzium Sultan Abu Bakar Pekan, Pahang**

Dalam bahagian ini, pengkaji menerangkan dengan lebih terperinci mengenai pengurusan koleksi di muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang. Antara perkara yang digariskan adalah:

4.2.1 Cara perolehan dan pendaftaran koleksi

4.2.2 Langkah konservasi koleksi

4.2.3 Langkah penstoran dan penyimpanan

Hasil dari temu bual melalui aplikasi *whatsapp* bersama Encik Baihaqi bin Pauzi iaitu salah seorang petugas muzium yang terlibat dalam pengurusan koleksi di muzium Sultan Abu Bakar, penerangan mengenai pengurusan koleksi di muzium tersebut telah diperolehi. Menurut Encik Baihaqi, pengurusan koleksi melibatkan perolehan koleksi, pendaftaran, konservasi, penstoran dan penyimpanan. Kelima-lima elemen ini penting dalam pengurusan di setiap muzium. Menurut beliau lagi, setiap langkah pengurusan koleksi perlu dilakukan mengikut turutan yang betul dan sistematik. Setiap kurator mempunyai tanggungjawab untuk memastikan koleksi yang diperolehi diuruskan dengan teliti dan cermat.

#### 4.2.1 Cara perolehan dan pendaftaran koleksi

Bagi perolehan koleksi, muzium Sultan Abu Bakar banyak menerima koleksi daripada wasiat dan penyelidikan di lapangan. Contoh wasiat adalah melibatkan koleksi-koleksi milik Sultan Pahang terdahulu seperti koleksi alatan sukan diraja (Rajah 4.1) barang peribadi raja (Rajah 4.2). Contoh koleksi penyelidikan di lapangan pula melibatkan artifak-artifak bersejarah yang dijumpai di sekitar negeri Pahang seperti batu nisan Pahang (Rajah 4.3). Bagi pendaftaran koleksi yang dilakukan di muzium ini, ianya adalah sama seperti muzium-muzium lain dari segi item-item yang terdapat pada borang pendaftaran koleksi seperti nama koleksi, kod koleksi, perolehan dan beberapa maklumat berkaitan. Kesemua borang ini disimpan rapi untuk memudahkan rujukan dilakukan pada masa hadapan.



Rajah 4.1: Koleksi alatan sukan diraja

Sumber: Kajian lapangan



Rajah 4.2: Koleksi barang peribadi diraja

Sumber: Kajian lapangan



Rajah 4.3: Artifak batu nisan Pahang

Sumber: Kajian lapangan

#### 4.2.2 Langkah konservasi koleksi

Setiap muzium mempunyai kaedah yang tersendiri dalam memelihara koleksi yang dimiliki. Pelbagai kaedah yang digunakan bagi memastikan koleksi terpelihara dan kekal lama. Bagi langkah konservasi yang dilakukan pada koleksi oleh pihak muzium Sultan Abu Bakar, ianya hanya melibatkan beberapa barangan seperti alatan tembaga yang dibersihkan secara tradisional menggunakan air asam jawa dan bahan autosol. Konservasi seperti alat senjata, alat perak, tekstil dan manuskrip pula akan dikendalikan oleh pihak perkhidmatan luar dengan menghantar koleksi-koleksi ini kepada pembekal yang dilantik iaitu Encik Salikin Sidek dari Seni Ukir Bakawali dan Mr. Alex dari Singapura dan K.B. Permai. Antara faktor yang menyebabkan pihak muzium Sultan Abu Bakar tidak melakukan konservasi terhadap keseluruhan koleksi ialah kerana kemudahan muzium yang terhad dan tidak mempunyai kelengkapan yang cukup untuk melakukan kerja-kerja konservasi yang rumit.

### 4.2.3 Langkah penstoran dan penyimpanan

Penstoran dan penyimpanan koleksi dilakukan terhadap koleksi bagi memastikan ianya kekal terpelihara. Langkah-langkah ini penting bagi memastikan tiada kerosakan yang berlaku kepada koleksi. Penstoran di muzium Sultan Abu Bakar melibatkan penstoran terbuka (Rajah 4.4), penggantungan di dinding (Rajah 4.5), sistem simpanan boleh lihat (Rajah 4.6) dan sistem bertingkat (Rajah 4.7). Penyimpanan melibatkan beberapa proses bermula daripada penerimaan borang sehingga pemulangan borang ke fail. Penyimpanan di muzium ini dilakukan terhadap koleksi yang tidak ingin dipamerkan lagi atau disimpan untuk aktiviti pameran yang terpilih sahaja.



Rajah 4.4: Contoh penstoran terbuka

Sumber: Kajian lapangan



Rajah 4.5: Contoh penggantungan di dinding

Sumber: Kajian lapangan



Rajah 4.6: Contoh sistem simpanan boleh lihat

Sumber: Kajian lapangan



Rajah 4.7: Contoh simpanan bertingkat

Sumber: Kajian lapangan

### **4.3 Kaedah-kaedah yang digunakan dalam memelihara koleksi di muzium Sultan Abu Bakar**

Dalam bahagian ini, pengkaji menerangkan mengenai kaedah-kaedah yang digunakan dalam memelihara koleksi di muzium Sultan Abu Bakar. Pengkaji menfokuskan salah satu koleksi iaitu daripada tembaga dan menunjukkan proses sebelum, semasa dan selepas koleksi ini dipelihara. Koleksi yang dipilih oleh pengkaji adalah tepak sireh lama yang banyak digunakan oleh masyarakat Melayu terdahulu termasuklah oleh golongan kerabat diraja Pahang ketika adat istiadat perkahwinan. Di awal bahagian ini, pengkaji menerangkan mengenai peralatan-peralatan yang digunakan dan

seterusnya mengenai kaedah pemuliharaan koleksi tepak sirih menggunakan kaedah tradisional yang diaplikasikan oleh pihak muzium. Pengkaji telah diberi tunjuk ajar mengenai bagaimana pemuliharaan dilakukan oleh Unit Pengurusan Koleksi, Cik Amy Marina binti Akim. Pengkaji bernasib baik kerana beliau sanggup membantu dan memberikan kerjasama dalam mencapai objektif ini.

#### 4.3.1 Peralatan dan bahan

Terdapat beberapa peralatan dan bahan yang telah digunakan untuk memulihara koleksi tepak sirih ini antaranya:



Rajah 4.8: Sarung tangan

Sumber: Kajian lapangan

Sarung tangan berfungsi untuk melindungi tangan daripada terkena kotoran dan menyentuh secara terus dengan bahan-bahan kimia.



Rajah 4.9: Topeng muka

Sumber: Kajian lapangan

Topeng muka mengelakkan habuk memasuki rongga hidung atau mulut dan melindungi daripada terhidu bahan kimia.



Rajah 4.10: Apron

Sumber: Kajian lapangan

Apron berfungsi untuk melindungi pakaian daripada kekotoran ketika melakukan aktiviti-aktiviti konservasi.



Rajah 4.11: Berus pembersih

Sumber: Kajian lapangan

Berus pembersih berfungsi untuk membersihkan habuk dan kotoran yang terdapat pada koleksi yang dipulihara.



Rajah 4.12: Berus besar

Sumber: Kajian lapangan

Berus besar berfungsi untuk membersihkan lapisan luar karat pada koleksi serta digunakan untuk mencuci koleksi.



Rajah 4.13: Berus kecil

Sumber: Kajian lapangan

Berus kecil digunakan untuk membersihkan lapisan luar karat dengan teliti serta digunakan untuk mencuci setiap bahagian koleksi yang sukar dibersihkan dengan berus besar.





Rajah 4.14: Pita pengukur

Sumber: Kajian lapangan

Pita pengukur berfungsi untuk mengukur tinggi, lebar, panjang dan ukur lilit sesuatu koleksi.



Rajah 4.15: Bekas besar

Sumber: Kajian lapangan

Bekas besar berfungsi sebagai tempat untuk merendam koleksi dengan air asam jawa.



#### Rajah 4.16: Kain

Sumber: Kajian lapangan

Kain berfungsi untuk mengering dan menggilap sesuatu koleksi.



#### Rajah 4.17: Soda bikarbonat

Sumber: Kajian lapangan

Soda bikarbonat berfungsi untuk menghilangkan kesan kotoran plak hitam dan karat pada koleksi apabila digabungkan dengan cuka.



#### Rajah 4.18: Cuka

Sumber: Kajian lapangan

Cuka berfungsi untuk menghilangkan kesan kotoran plak hitam dan karat pada koleksi apabila digabungkan dengan soda bikarbonat



Rajah 4.19: Asam jawa

Sumber: Kajian lapangan

Asam jawa digunakan untuk menghilangkan karat dan mengembalikan koleksi yang diperbuat daripada tembaga kepada warna asalnya.



Rajah 4.20: Sabun serbuk

Sumber: Kajian lapangan

Sabun serbuk berfungsi untuk membersihkan koleksi yang telah direndam di dalam air asam jawa.



#### Rajah 4.21: Autosol

Sumber: Kajian lapangan

Autosol berfungsi untuk mengilatkan sesuatu koleksi yang diperbuat daripada bahan seperti logam dan tembaga.

#### 4.3.2 Kaedah pemuliharaan koleksi (tepak sirih)

Terdapat beberapa proses yang dilakukan untuk memulihara koleksi tepak sirih. Proses pertama adalah dengan melakukan pengukuran menggunakan pita pengukur bagi mengetahui panjang, tinggi, lebar dan ukur lilit tepak sirih untuk dicatatkan di dalam borang pendaftaran koleksi dengan skala (nisbah 1:2).



Rajah 4.22: Pengukuran tepak sirih

Sumber: Kajian lapangan



Rajah 4.23: Pengukuran mengikut skala nisbah (1:2)

Sumber: Kajian lapangan

Proses kedua ialah dengan mengenalpasti kerosakan yang terdapat pada tepak sirih untuk mengetahui kaedah yang sesuai untuk digunakan. Jenis-jenis kerosakan boleh dilihat pada gambar-gambar berikut:



Rajah 4.24: Keseluruhan tepak sirih kelihatan kotor dan berubah warna

Sumber: Kajian lapangan



Rajah 4.25: Plak hitam (sulfida tembaga dan oksida) serta kotoran kapur pada bahagian dalam tepak

Sumber: Kajian lapangan



Rajah 4.26: Plak hitam pada bahagian bawah

Sumber: Kajian lapangan



Rajah 4.27: Pengaratan di bahagian dalam bekas meletakkan bahan sirih

Sumber: Kajian lapangan

Proses ketiga ialah dengan membersihkan setiap bahagian tepak sirih daripada kekotoran dan kesan kapur menggunakan berus pembersih yang lembut bagi mengelakkan kerosakan.



Rajah 4.28: Pembersihan kotoran dan kesan kapur pada tepak sirih

Sumber: Kajian lapangan

Proses seterusnya ialah dengan menanggalkan kesan karat menggunakan berus besar dan berus kecil. Terdapat sisa-sisa kotoran karat tertanggal melalui proses ini.



Rajah 4.29: Memberus kesan karat pada koleksi tepak sirih

Sumber: Kajian lapangan

Proses keempat pula ialah dengan membersihkan kesan kotoran plak hitam dan karat menggunakan cuka dan soda bikarbonat pada setiap bahagian yang terlibat. Kesemua bahagian yang terlibat digosok dengan teliti.



Rajah 4.30: Membersihkan kotoran plak hitam dan karat

Sumber: Kajian lapangan

Beberapa genggam asam jawa dimasukkan ke dalam sebuah bekas besar yang berisi air. Campuran ini digaul sebati dan koleksi tepak sirih direndam seharian.



Rajah 4.31: Asam jawa yang dicampur di dalam air rendaman

Sumber: Kajian lapangan



Rajah 4.32: Koleksi dimasukkan ke dalam campuran asam jawa

Sumber: Kajian lapangan

Setelah direndam semalaman di dalam air asam jawa, koleksi tepak sirih dibersihkan menggunakan air sabun. Proses ini dilakukan untuk menghilangkan kesan-kesan karat dan asam jawa yang melekat pada koleksi tersebut.





Rajah 4.33: Pembersihan menggunakan air sabun

Sumber: Kajian lapangan

Proses berikutnya, koleksi tepak sirih dibasuh dengan air bersih untuk memastikan tiada kotoran yang tertinggal. Setelah dibersihkan sepenuhnya, koleksi dikeringkan dengan kain yang bersih.



Rajah 4.34: Pembersihan menggunakan air bersih

Sumber: Kajian lapangan

Proses terakhir, koleksi tepak sirih disapu dengan autosol bagi menjadikan ianya kelihatan cantik, kemas dan berkilau. Terdapat banyak kotoran hitam yang melekat pada kain yang digunakan untuk menyapu autosol.



Rajah 4.35: Koleksi tepak sirih disapu dengan autosol

Sumber: Kajian lapangan

Ini merupakan hasil koleksi tepak sirih setelah kaedah pemuliharaan dilakukan. Koleksi ini akan disimpan di dalam sebuah kotak lutsinar dengan menggunakan sistem simpanan boleh lihat.



Rajah 4.36: Keadaan akhir koleksi tepak sirih

Sumber: Kajian lapangan

#### 4.4 Menganalisis sejauh mana tahap pengetahuan generasi muda berkaitan dengan pemuliharaan koleksi


Pada bahagian ini, pengkaji telah mendapatkan data maklumat mengenai sejauh mana tahap pengetahuan generasi muda berkaitan dengan pemuliharaan koleksi daripada remaja lingkungan 10 hingga 19 tahun yang menetap di Pekan, Pahang melalui pengedaran borang soal selidik secara atas

talian. Hasil daripada kajian ini, seramai 30 orang responden telah diperoleh yang mana merupakan pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah di dalam daerah Pekan.

#### 4.4.1 Analisis tahap pengetahuan generasi muda berkaitan dengan pemuliharaan koleksi

##### 4.4.1.1 Demografi responden

1. Jantina  
30 responses




Rajah 4.37: Jantina

(Sumber: Borang soal selidik, 2021)

Berdasarkan hasil kajian daripada 30 orang responden yang telah menjawab soalan soal selidik secara atas talian, bagi jantina, seramai 16 orang merupakan responden perempuan iaitu sebanyak 53.3% manakala, seramai 14 orang merupakan responden lelaki iaitu sebanyak 46.7%.

## 2. Umur

30 responses




Rajah 4.38: Umur

(Sumber: Borang soal selidik, 2021)

Hasil kajian menunjukkan data bagi umur responden antara 10 hingga 19 tahun. Majoriti umur yang tertinggi dicatatkan oleh responden berumur 18 hingga 19 tahun iaitu seramai 18 orang dengan peratusan sebanyak 63.3% manakala responden berumur 13 hingga 15 tahun ialah paling rendah iaitu seramai 2 orang dengan 6.7 peratus. Responden yang berumur 10 hingga 12 tahun terdiri daripada 6 orang dengan peratusan sebanyak 20%. Bagi peringkat umur 16 hingga 17 tahun pula, terdapat seramai 3 orang responden iaitu sebanyak 10%.

## 3. Bangsa

30 responses



Rajah 4.39: Bangsa


(Sumber: Borang soal selidik, 2021)

Hasil kajian menunjukkan data empat jenis bangsa iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain. Majoriti responden adalah daripada bangsa Melayu iaitu seramai 29 orang dengan catatan peratusan 96.7% manakala minoriti daripada bangsa India iaitu seramai 1 orang dengan peratusan 3.3%. Tiada responden daripada bangsa yang lain.

#### 4.4.1.2 Pengetahuan mengenai muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang

1. Adakah anda pernah melawat muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang?

30 responses




Rajah 4.40: Lawatan ke muzium  
(Sumber: Borang soal selidik, 2021)

Hasil kajian menunjukkan data mengenai pengetahuan, 'adakah anda pernah ke muzium Sultan Abu, Bakar, Pekan, Pahang?'. Berdasarkan data, majoriti responden menjawab 'ya' iaitu seramai 18 orang dengan peratusan sebanyak 60% manakala responden yang menjawab 'tidak' seramai 12 orang iaitu dengan peratusan sebanyak 40%.

2. Adakah anda tahu apakah koleksi yang dipamerkan di muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang?

30 responses




Rajah 4.41: Pengetahuan mengenai koleksi yang dipamerkan

(Sumber: Borang soal selidik, 2021)

Hasil kajian menunjukkan data pengetahuan, ‘adakah anda tahu apakah koleksi yang dipamerkan di muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang?’. Sebanyak 70% responden iaitu seramai 21 orang menjawab ‘ya’ iaitu mengetahui koleksi yang terdapat di muzium Sultan Abu Bakar manakala sebanyak 30% lagi menjawab ‘tidak’ kerana tidak mengetahui koleksi yang terdapat di muzium tersebut.

3. Adakah anda tahu bagaimanakah proses pemuliharaan dilakukan terhadap koleksi di muzium ini?

30 responses



Rajah 4.42: Pengetahuan mengenai proses pemuliharaan koleksi


(Sumber: Borang soal selidik, 2021)

Hasil kajian menunjukkan data pengetahuan, 'adakah anda tahu bagaimana proses pemuliharaan dilakukan terhadap koleksi di muzium ini?'. Kebanyakan responden menjawab 'tidak' iaitu seramai 16 orang dengan peratusan 53.3% manakala responden menjawab 'ya' adalah seramai 14 orang dengan peratusan 46.7%.

#### 4.4.1.3 Pandangan mengenai pemuliharaan koleksi di muzium

1. Pemuliharaan merupakan kaedah yang penting bagi melindungi koleksi warisan

30 responses




Rajah 4.43: Kepentingan kaedah pemuliharaan

(Sumber: Borang soal selidik, 2021)

Hasil kajian menunjukkan data pandangan tentang 'pemuliharaan merupakan kaedah yang penting bagi melindungi koleksi warisan'. Bilangan responden menjawab 'sangat setuju' adalah paling ramai iaitu 19 orang dengan 63.3% manakala responden menjawab 'sangat tidak setuju' ialah paling sedikit iaitu seramai seorang dengan 3.4%. Responden yang menjawab 'setuju' pula seramai 10 orang iaitu dengan peratusan 33.3% dan tiada yang menjawab 'tidak setuju'.

2. Muzium perlu memberi pendedahan mengenai pemuliharaan koleksi secara umum

30 responses




Rajah 4.44: Pendedahan muzium mengenai pemuliharaan secara umum

(Sumber: Borang soal selidik, 2021)

Hasil kajian menunjukkan data pandangan, 'muzium perlu memberi pendedahan mengenai pemuliharaan koleksi secara umum'. Majoriti menjawab 'setuju' iaitu seramai 15 orang dengan 50% manakala minoriti menjawab 'tidak setuju' iaitu seramai 2 orang dengan 6.7%. Responden menjawab 'setuju' ialah seramai 13 orang dengan 43.3% manakala tiada yang menjawab 'sangat tidak setuju'.

3. Peranan untuk menjaga koleksi warisan merupakan tanggungjawab pihak muzium sahaja

30 responses



Rajah 4.45: Pandangan mengenai peranan menjaga muzium


(Sumber: Borang soal selidik, 2021)



Hasil kajian menunjukkan data mengenai pandangan, 'peranan untuk menjaga warisan merupakan tanggungjawab pihak muzium sahaja'. Kebanyakan responden menjawab 'setuju' iaitu seramai 10 orang dengan 33.3% manakala paling sedikit menjawab 'sangat tidak setuju' iaitu seramai 4 orang dengan 13.3%. responden yang menjawab 'tidak setuju' ialah seramai 9 orang dengan 30% dan 'sangat setuju' seramai 7 orang dengan 23.3%.

4. Kesedaran mengenai kepentingan pemuliharaan koleksi perlu dilakukan kepada masyarakat bermula dari bangku sekolah lagi

30 responses



Rajah 4.46: Kesedaran kepentingan pemuliharaan koleksi kepada masyarakat

(Sumber: Borang soal selidik, 2021)

Hasil kajian menunjukkan data pandangan, 'kesedaran mengenai kepentingan pemuliharaan koleksi perlu dilakukan kepada masyarakat bermula dari bangku sekolah lagi'. Responden paling sedikit menjawab 'tidak setuju' iaitu seramai seorang dengan 3.4% manakala responden yang menjawab 'sangat setuju' paling banyak iaitu seramai 19 orang dengan 63.3%. responden yang menjawab 'setuju' pula seramai 10

orang dengan peratusan sebanyak 33.3% manakala tiada responden menjawab 'sangat tidak setuju'.

#### **4.5 Rumusan bab**

Kesimpulannya, objektif yang digariskan oleh pengkaji tercapai walaupun terdapat beberapa halangan yang terpaksa ditempuhi iaitu dari segi kaedah yang terpaksa diubah suai bersesuaian dengan keadaan pada waktu kini. Bagi objektif pertama, pengkaji mengambil keputusan untuk mendapatkan maklumat secara maya dengan menemu bual pihak muzium mengenai langkah-langkah pengurusan koleksi di muzium Sultan Abu Bakar. Objektif kedua pula, pengkaji telah melihat sendiri bagaimana pemuliharaan koleksi di muzium dilakukan melalui pihak Unit Pengurusan Koleksi di muzium iaitu Cik Amy Marina binti Akim. Bagi objektif terakhir pula, pengkaji memanfaatkan teknologi kini dengan mendapatkan maklumat mengenai sejauh mana tahap pengetahuan generasi muda berkaitan dengan pemuliharaan koleksi secara atas talian.

## BAB 5

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

#### 5.1 Pengenalan

Pada bahagian ini, pengkaji menghuraikan mengenai rumusan kajian secara menyeluruh dan menyatakan beberapa cadangan yang boleh dilaksanakan pada masa hadapan berdasarkan hasil kajian. Fokus kajian ini adalah berkaitan dengan kepentingan pemuliharaan koleksi di muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang dalam kalangan generasi muda.

#### 5.2 Rumusan kajian

Kajian yang dilaksanakan ini adalah berdasarkan tiga objektif iaitu untuk mengenalpasti langkah-langkah yang digunakan dalam pengurusan koleksi muzium Sultan Abu Bakar, untuk mengetahui kaedah-kaedah yang digunakan dalam memulihara koleksi di muzium Sultan Abu Bakar dan untuk mengkaji sejauh mana tahap pengetahuan generasi muda berkaitan dengan pemuliharaan koleksi. Walaupun terdapat kaedah yang tidak dapat dilakukan secara bersemuka sewaktu tempoh penyelidikan akibat Covid-19 namun, semua objektif berjaya dicapai pada bab empat.

Hasil kajian pada objektif pertama, pengkaji telah mengenalpasti langkah-langkah yang digunakan dalam pengurusan koleksi muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang. Bagi proses perolehan, kebanyakan koleksi diperolehi melalui wasiat dan penyelidikan di lapangan. Cara perolehan lain juga dimiliki mengikut kesesuaian koleksi. Pendaftaran koleksi yang dilakukan pula tidak banyak bezanya dengan muzium-muzium lain. Konservasi yang dilakukan terhadap koleksi di muzium ini hanya melibatkan beberapa barangan

sahaja dan selebihnya diserahkan kepada pihak luar kerana masalah kekurangan kelengkapan makmal. Penstoran dan penyimpanan di muzium ini pula melibatkan penstoran terbuka, penggantungan di dinding, sistem simpanan boleh lihat dan sistem bertingkat. Kesesuaian bagi kaedah penstoran dan penyimpanan penting bagi memastikan koleksi-koleksi yang terdapat di muzium ini selamat daripada kerosakan dan tahan dalam tempoh yang lama.

Seterusnya, objektif kedua iaitu untuk mengetahui kaedah-kaedah yang digunakan dalam memulihara koleksi di muzium Sultan Abu Bakar. Melalui hasil kajian, pengkaji telah melalui sendiri pengalaman bagaimana sesebuah koleksi yang terdapat di muzium dipulihara. Melalui koleksi tembaga tepak sirih yang dipilih dalam proses pemuliharaan di muzium ini, dapat dirumuskan bahawa setiap proses pemuliharaan akan melibatkan pengukuran, mengenalpasti jenis kerosakan, memilih kaedah dan jenis rawatan yang sesuai dan penyimpanan yang betul bagi memastikan koleksi tahan lama. Proses pemuliharaan yang kurang tepat boleh mengakibatkan koleksi menjadi lebih teruk atau musnah.

Bagi objektif ketiga iaitu untuk mengkaji sejauh mana tahap pengetahuan generasi muda berkaitan dengan pemuliharaan koleksi di muzium Sultan Abu Bakar, terdapat beberapa perkara dapat dirumuskan. Berdasarkan kajian, responden yang telah menjawab soal selidik yang diedarkan antara lelaki dan perempuan adalah tidak jauh beza jumlahnya serta, majoritinya terdiri daripada generasi muda dalam lingkungan 18-19 tahun. Hasil kajian juga mendapati kebanyakan responden adalah daripada bangsa Melayu kerana bangsa lain lebih ramai di bandar-bandar besar. Bagi maklumat tentang pengetahuan mengenai muzium, disebabkan muzium Sultan Abu Bakar merupakan antara salah satu lokasi tarikan di daerah Pekan, hampir kesemua

generasi muda pernah melawat ke sini sewaktu masa terluang bersama keluarga atau kawan-kawan mereka. Kebanyakan daripada generasi muda juga mengetahui koleksi-koleksi yang terdapat di muzium Sultan Abu Bakar kerana pernah memasuki muzium tetapi kurang yang berpengetahuan tentang bagaimana proses pemuliharaan koleksi-koleksi tersebut dilakukan. Dapat dinyatakan bahawa mereka tidak didedahkan dengan perkara-perkara tersebut. Bagi hasil kajian pandangan mengenai pemuliharaan koleksi di muzium pula, generasi muda berpandangan bahawa pemuliharaan merupakan perkara yang penting bagi melindungi koleksi warisan dan menganggap pendedahan mengenai pemuliharaan koleksi adalah perlu kepada umum. Hasil kajian juga mendapati bahawa generasi muda menggalakkan kesedaran kepentingan pemuliharaan koleksi kepada masyarakat namun, menganggap kewajiban menjaga koleksi warisan adalah perlu dipikul oleh mereka yang mempelopori bidang warisan sahaja yang serba sedikit akan menyebabkan mereka kurang mengambil berat mengenai warisan di negara ini. Hal ini bermakna, generasi muda berfikir bahawa pengetahuan tentang pemuliharaan itu penting kepada setiap individu namun tidak mahu bersama-sama melibatkan diri untuk menjaga warisan dan menyerahkan tanggungjawab tersebut kepada pihak berkenaan sahaja.

Secara keseluruhannya, hasil kajian yang dilakukan ini telah dibuat sebaik mungkin walaupun terdapat beberapa halangan yang terpaksa ditempuhi. Pengkaji telah melakukan beberapa inisiatif untuk memenuhi setiap objektif yang diperlukan pada bab satu. Maklumat-maklumat yang diperoleh amat membantu dalam menjawab persoalan-persoalan di dalam penyelidikan yang dilakukan ini.

### **5.3 Cadangan kajian**

Melalui permasalahan kajian yang dinyatakan di dalam kajian, kebanyakan generasi muda di Pekan masih kurang mendapatkan pendedahan mengenai pemuliharaan koleksi di muzium Sultan Abu Bakar dan menganggap peranan menjaga warisan diletakkan sepenuhnya kepada pihak yang tertentu. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan yang dikemukakan oleh pengkaji bagi membuka mata masyarakat terutamanya generasi muda mengenai pemuliharaan koleksi dan tanggungjawab bersama dalam menjaga warisan negara.

#### **5.3.1 Mendedahkan mengenai pemuliharaan koleksi warisan kepada masyarakat terutamanya generasi muda**

Pendedahan yang lebih mendalam perlu dilakukan oleh pihak muzium dan badan-badan yang berkenaan kepada masyarakat terutamanya generasi muda mengenai pemuliharaan koleksi. Pihak pendidikan perlu memperbanyakkan aktiviti-aktiviti lawatan ke tempat-tempat yang mempunyai warisan negara seperti muzium supaya generasi muda didedahkan dengan koleksi warisan sejak di bangku sekolah lagi. Ianya dapat melatih dan menarik minat mereka untuk mencintai warisan negara sejak dari kecil. Muzium kursusnya bukan sahaja mempamerkan koleksi warisan semata-mata tetapi juga perlu memberikan pengetahuan yang lebih mendalam mengenai sesuatu koleksi untuk menarik minat pengunjung dan dalam pada masa yang sama memberi mereka ilmu yang baharu. Apabila masyarakat didedahkan dengan kepentingan warisan maka, mereka akan

merasakan tanggungjawab tersebut dipikul oleh diri sendiri dan bukan kepada pihak tertentu sahaja.

### **5.3.2 Memperluaskan pengetahuan mengenai bidang warisan kepada generasi muda**

Kebanyakan generasi muda yang mengetahui bidang warisan ini adalah daripada golongan yang mengambil bidang tersebut di tempat mereka belajar. Contohnya bidang seperti konservasi kurang diketahui serta ada juga yang tidak tahu ianya wujud. Kebanyakan golongan muda hanya belajar mengikut sukatan pembelajaran yang telah ditetapkan di institusi pendidikan. Oleh itu, pihak berkenaan perlu menggunakan platform seperti media massa dan media sosial untuk memperkenalkan dan mempromosikan bidang ini kepada masyarakat melalui program-program ilmiah dan dokumentari. Contohnya, pihak muzium menunjukkan proses pemuliharaan sesuatu koleksi kepada orang luar. Tujuannya bukanlah semata-mata untuk menarik generasi muda untuk menceburi bidang ini tetapi ianya lebih kepada untuk membuka mata dan menyedarkan setiap individu tentang kepentingan warisan terhadap negara. Dengan langkah ini, mereka tidak akan memandang ringan terhadap kepentingan pemuliharaan sesuatu warisan. Langkah ini juga dapat membantu dalam melahirkan perintis baharu di kalangan golongan muda untuk menjaga koleksi-koleksi warisan di negara ini.

#### 5.4 Penutup

Diharap melalui penyelidikan yang telah dilakukan ini dapat memberi pengetahuan dan mendedahkan masyarakat terutamanya generasi muda mengenai kepentingan pemuliharaan koleksi warisan. Pengkaji juga berharap melalui kajian ini, masyarakat lebih jelas mengenai bidang konservasi dan mengetahui bagaimana koleksi warisan diuruskan di sesebuah muzium. Maklumat yang terperinci ini sedikit sebanyak dapat memudahkan penyelidik atau masyarakat memahami bidang warisan ini dan pada waktu yang sama dapat menilai warisan dengan lebih baik.



## RUJUKAN

### Artikel

Unknown (2017). *Contoh Proposal Kajian 2: Kajian Terhadap Kepuasan Pelancong Belia di Kelantan*. Dicapai pada 21 Januari 2021 daripada <http://apaituilmu.blogspot.com/2017/09/contoh-proposal-kajian-2-kajian.html>

Zuraidah Hassan & Ab. Samad Kechot (2012). *Prosedur Penjagaan Koleksi Warisan: Kajian di Jabatan Muzium Malaysia*. Dicapai pada 12 Disember, 2020 daripada <http://ejournals.ukm.my/jmelayu/article/download/5056/2594>

### Internet

Afifi Malaysia (2016). *Pemeliharaan dan pemuliharaan*. Dicapai pada Isnin, 14 Disember 2020 daripada <https://www.slideshare.net/AfifiMalaysia/pemeliharaan-dan-pemuliharaan-59979107>

Dr Kamarul (2015). *Sorotan literatur*. Dicapai pada Isnin, 14 Disember 2020 daripada <https://www.slideshare.net/wmkfirdaus/sorotan-literatur-dr-kamarul>

Jabatan Muzium Malaysia (2016). *Konservasi*. Dicapai pada Rabu, 10 Jun 2020 daripada <http://www.jmm.gov.my/ms/content/konservasi>

Jabatan Muzium Malaysia (2020). *Pemuziuman*. Dicapai pada Rabu, 20 Januari 2021 daripada <http://www.jmm.gov.my/ms/permuziuman>

Msgold (2011). *Sejarah muzium Sultan Abu Bakar*. Dicapai pada Sabtu, 12 Disember, 2020 daripada <http://heritage-gold.blogspot.com/2011/04/sejarah-bangunan-muzium-sultan-abu.html>

World Health Organisation (2021). *Adolescent health*. Dicapai pada Selasa, 5 Januari 2021 daripada <https://www.who.int/southeastasia/health-topics/adolescent-health#:~:text=WHO%20defines%20'Adolescents'%20as%20individuals,age%20range%2010%2D24%20years>

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN